

Laporan Tahunan

2015

www.finas.gov.my



SIDANG PENGARANG

Pengerusi

Dato' Mohd Khusairi Abdul Talib

Pengurusan

Ketua Pengarah

Dato' Kamil Othman

Timbalan Ketua Pengarah

Pengurusan

Khalidah Mohd Darus

Timbalan Ketua Pengarah

Produksi & Komunikasi

Dato' Fauzi Ayob

Sidang Editorial

Ketua Editor

Ahmad Syazli Muhd Khiar

Editor

Habibah Zainal Abidin

Grafik & Rekaletak

Huzairi Mat Sani

Editor Grafik

Abdul Aziz Hj. Ahmad Shatar

Statistik

Zokifli Abu Bakar

Drusella Brigit Anak Rijeng

Mohd Saufidin Poniman

Pasukan Penerbitan

Nordiana Razali

Siti Sarah Razali

Haikal Ahmad Nordin

Muhammad Arif Muhamimin

Fotografi

Zahrah Md Jaferi

Rafiuddin Abd Rahman

Aidi Emizul Rasidi

Deskripsi Tema

Tema **FINAS KE ARAH TRANSFORMASI DAN MENJANA KEMAJUAN EKONOMI INDUSTRI** merangkumi peranan yang lebih komprehensif dan efisien khususnya di dalam pembangunan pasaran, pemasaran polisi, modal insan, teknologi, dana, infrastruktur dan institusi yang mampu menjana kepada transformasi kualiti produk kandungan kreatif tempatan ke peringkat antarabangsa.

KANDUNGAN

- Perutusan Pengerusi FINAS
- Perutusan Ketua Pengarah FINAS
- Visi dan Misi FINAS
- Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
- Carta Organisasi FINAS 2015
- Pengerusi dan Ahli – Ahli Perbadanan 2015
- Bahagian Dasar dan Penyelidikan
- Bahagian Komersil dan Inovasi
- Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Pengurusan Strategik
- Bahagian Area Office
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Pengurusan Fasiliti dan Kejuruteraan (UK)
- Bahagian Pembangunan Ekosistem dan Kandungan Kreatif
- Bahagian Produksi
- Bahagian Pengurusan Fasiliti dan Kejuruteraan (PJ)
- Bahagian Pitching Centre
- Unit Audit Dalam
- Unit Integriti
- Penvata Kewangan FINAS 2015



MAKLUMAT KORPORAT

PERUTUSAN PENGURUSI FINAS



Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

FINAS sebagai peneraju kemajuan industri filem tanah air berperanan utuh menyokong kepimpinan kerajaan di bawah YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak dan YB Menteri KKMM sendiri; Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak. Justeru, melihat kepentingan industri kreatif ini sebagai penjana ekonomi dan komoditi negara, FINAS memerlukan sokongan padu semua penglibat industri untuk terus berganding bahu dan bersatu demi mencapai transformasi di dalam ekosistem baharu yang lebih progresif dan mampu.

Tahun 2015 merupakan cabaran FINAS sebagai satu organisasi yang perlu membina paradigma baru selaras dengan dasar kerajaan bagi membangunkan industri kreatif. Oleh itu, peranan yang lebih dinamik daripada semua pihak termasuk penggiat seni dan industri mampu diterjemahkan di dalam bentuk sokongan dan keupayaan bergerak sebagai satu pasukan yang mantap.



DATO' MOHD KHUSAIRI ABDUL TALIB
Pengerusi FINAS

PERUTUSAN KETUA PENGARAH FINAS



Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera


Selaras dengan pelan transformasi industri filem, FINAS telah menggariskan teras utama yang menjadi pemangkin kepada pembangunan industri ini secara holistik dan total. Teras ini juga memastikan program FINAS pada tahun 2015 telah mencapai sasaran yang ditetapkan merangkumi:

- a) Memperkasa agenda-agenda dasar dan pelan pembangunan industri filem secara holistik
- b) Mengantarabangsakan peranan FINAS untuk menjadikan Malaysia sebagai hub baru perfileman dunia
- c) FINAS Memposisikan FINAS sebagai *mission leader* untuk misi pemasaran antarabangsa dan meneroka pasaran baru global untuk pengesportan kandungan
- d) Memperkasakan program sinergi industri; dan
- e) Membangunkan strategi kepakaran, kemahiran dan modal insan

Secara rumusnya, peranan FINAS menjana transformasi industri bergerak seiring dengan misi kerajaan dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi mewujudkan satu ekosistem baru yang boleh menyumbang kepada pembangunan industri secara holistik dan kolektif.



DATO' KAMIL AHMAD BIN MOHD OTHMAN
Ketua Pengarah





INFORMASI KORPORAT FINAS



LATAR BELAKANG

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah ditubuhkan pada 1981 melalui Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Pindaan 1984) Akta 244 (Pindaan Akta A589). FINAS mula beroperasi pada 1 November 1981 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia. Mulai 16 Oktober 1986, FINAS diletakkan di bawah Kementerian Penerangan. Setelah itu, bermula pada 27 Mac 2004, FINAS telah diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA). Mulai 9 April 2009, FINAS telah diletakkan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Pada 15 Mei 2013, FINAS telah diletakkan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Pada 6 April 2012, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan penggabungan FINAS dengan Filem Negara Malaysia (FNM) dan diterajui oleh FINAS.

Antara Persetujuan Jemaah Menteri tersebut adalah meminda Akta 244 dengan memasukkan fungsi baharu menyebar maklumat mengenai dasar, program dan pencapaian kerajaan melalui pengeluaran filem dan merakam liputan peristiwa bagi maksud arkib.

Penggabungan FINAS dengan Filem Negara Malaysia (FNM) berkuatkuasa pada 1 Januari 2013.



VISI DAN MISI FINAS

VISI

Peneraju utama industri perfileman negara ke persada dunia



MISI

- Memperkasakan kemudahan dan perkhidmatan perfileman negara;
- Mengantarabangsa bahan kandungan kreatif tempatan dan lokasi penggambaran;
- Menerbitkan bahan audio visual tentang dasar dan pencapaian kerajaan serta mempromosikannya melalui pelbagai platform media; dan
- Mendokumentasi, menyimpan, memelihara dan memulihara bahan kandungan audio visual.



OBJEKTIF

“Menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan industri perfileman”



PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

STRATEGI	BAHAGIAN / UNIT	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENCAPAIAN 2014	SASARAN 2015	PENCAPAIAN 2015
PEMBANGUNAN MODAL INSAN	Bahagian Pembangunan Industri (Unit Latihan Industri)	Master Class	2	4	2
		Latihan Perfileman, Bengkel, Apresiasi & Seminar	41	26	13 Bengkel 2 Aprisiasi 2 Master Talk
	Bahagian Khidmat Pengurusan (Unit Pengurusan Sumber Manusia)	Peratus kakitangan yang menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari dalam setahun	98.15% (372 penjawat telah lengkap 7 hari berkursus)	100%	93% (328 orang yang telah lengkap 7 hari berkursus)
PERMODALAN, INSENTIF DAN PEMASARAN	Bahagian Pembangunan Industri (Unit Galakan Industri)	Jumlah kutipan kasar filem cereka tempatan melalui syarat wajib tayang @ Bilangan filem melalui skim wajib tayang	85.33 juta 81 judul filem	70juta 80 judul filem	51.71juta 79 judul filem
	Bahagian Pemasaran dan Promosi (Unit Pemasaran)	Nilai jualan di pasaran filem antarabangsa	RM214.51 juta	RM180 juta (PEMANDU)	45.172juta
	Bahagian Galakan Penggambaran (Unit FIMO)	Pelaburan produksi di Malaysia	RM 362juta	RM400 juta (PEMANDU)	457.036juta
PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR	Bahagian Pembangunan Industri (Unit Khidmat Produksi)	Hasil sewaan kemudahan, peralatan perfileman dan khidmat pasca produksi	RM2.5 juta	RM1.8 juta	1,329,568juta


PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)


STRATEGI	BAHAGIAN / UNIT	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENCAPAIAN 2014	SASARAN 2015	PENCAPAIAN 2015
PEMBANGUNAN PROMO, LIPUTAN, FILEM DAN DOKUMENTARI	Bahagian Pengurusan Produksi	Penerbitan dokumentari bertaraf antarabangsa dengan kerjasama badan penyiar antarabangsa	11	8	-
		Penerbitan dokumentari	38	40	38
	Bahagian Kreatif dan Teknikal	Promo	117	100	90
		Promo Media Baru (KPI baru)	252	1000	884
		Bilangan liputan peristiwa penting dan penerbitan dokumentari bersejarah negara	274	150	165
	Bahagian Kewangan	Prestasi perbelanjaan Anggaran Belanja Mengurus	126.14%	95%	100.85%
		Prestasi pembayaran bil dalam masa 14 hari	99.53%	95%	100%
		Penyata Kewangan Tahunan disediakan dalam tempoh yang ditetapkan (KPI baru)		Sebelum 30 April setiap tahun	-
PENGURUSAN, PENTADBIRAN DAN PERUNDANGAN	Bahagian Khidmat Pengurusan (HRMIS)	Pengemaskinian Maklumat Profil Peribadi	99.20%	100%	99.8%
		Pengemaskinian Maklumat Data Perjawatan	99.30%	100%	99.8%
		Pelaksanaan Submodul Perisyiharan Harta	99.00	100%	100%
		Pelaksanaan SKT & LNPT	Peratusan SKT/ LNPT akan dikira pada akhir Januari 2015.	100%	SKT & LNPT = Dalam proses pelaksanaan

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

STRATEGI	BAHAGIAN / UNIT	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENCAPAIAN 2014	SASARAN 2015	PENCAPAIAN 2015
RUJUKAN DAN ARKIB	Bahagian Kejuruteraan	Hasil Jualan MyCC4DWorld	-	RM1juta (PEMANDU)	RM75,690
	Pusat Sumber dan Restorasi	Bilangan alihan tajuk filem dalam format analog ke format digital	165 jam	100 jam	-Tiada pencapaian Mesin rosak - Laporan telah dibuat kepada Pengarah Bahagian.
PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN (KPI BARU)	Bahagian Pelesenan	Pengeluaran Lesen Baru	998	850	869
		Pemeriksaan lesen terhadap aktiviti perfileman	2905	2600	2,168

CARTA ORGANISASI FINAS 2015





PENGERUSI DAN AHLI-AHLI PERBADANAN 2015



YB Dato' Mohd Khusairi Abdul Talib
Pengerusi FINAS



4 **YBhg. Dato' Doraisingam a/l Rengasamy**
Ahli Perbadanan

5 **Encik Zahrin Haji Aris**
Ahli Perbadanan


6 **Tuan Haji Burhanuddin Md Radzi**
Ahli Perbadanan

7 **Encik Hor Chee Leong**
Ahli Perbadanan

8 **Puan Norhayati Kaprawi**
Ahli Perbadanan

9 **Encik Nik Amir Mustapha**
Ahli Perbadanan

10 **Encik Andi Muhammad Suryady Haji Bandy**
Ahli Perbadanan





BAHAGIAN DASAR DAN PENYELIDIKAN

Unit Penyelidikan adalah salah satu unit di dalam Bahagian Dasar dan Penyelidikan FINAS yang mempunyai peranan untuk memastikan perancangan, pembangunan dan penyelidikan yang berkaitan dengan dasar perfileman dilaksanakan dengan efektif. Oleh itu, secara khususnya, unit Penyelidikan ini berperanan sebagai pusat setempat dalam mengumpul, menyelidik, dan menganalisis data dan maklumat berkaitan industri perfileman secara berkala dan tepat. Aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh unit Penyelidikan pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

- Menjalankan kaji selidik filem cereka tempatan ketika penganjuran Malaysian Film Expo sempena Festival Filem Malaysia ke-27;
- Menjalankan kajian bersama Cawangan Penyelidikan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) mengenai kepuasan penontonan Filem Cereka Tempatan dalam kalangan masyarakat;
- Menyediakan buku data perfileman tempatan ;dan
- Menyediakan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) bagi pembentangan Laporan Tahunan FINAS 2014 di Parlimen.

Kaji selidik filem cereka tempatan ketika penganjuran Malaysian Film Expo sempena Festival Filem Malaysia ke-27

Kaji selidik filem cereka tempatan ketika penganjuran Malaysian Film Expo sempena Festival Filem Malaysia ke-27 dilaksanakan bagi mendapatkan maklumbalas daripada pengunjung Malaysian Film Expo berkenaan filem cereka tempatan yang dianjurkan buat pertama kali. Kaji selidik ini juga dilaksanakan bagi mengukur tahap kepuashatian pengunjung Malaysian Film Expo 2015 mengenai filem cereka tempatan dan juga penganjuran Malaysian Film Expo 2015. Oleh itu, kaji selidik ini dapat memberi input kepada FINAS mengenai pemahaman awam mengenai Filem Cereka Tempatan serta dapat membantu memberi maklumbalas kepada penganjuran Malaysian Film Expo 2015.

Pungutan data kajian yang dilakukan oleh kakitangan Unit Penyelidikan telah dibuat pada 4 dan 5 September 2015 di tapak pameran Malaysian Film Expo 2015, Hall 1 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Seramai 70 orang responden telah menyertai kaji selidik ini. Hasil kaji selidik ini telah dikemukakan kepada pengurusan tertinggi FINAS bagi tujuan perancangan pembangunan filem tempatan dan penganjuran Malaysian Film Expo pada masa akan datang.

Kajian bersama Cawangan Penyelidikan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) Mengenai Kepuasan Penontonan Filem Cereka Tempatan dalam Kalangan Masyarakat

Objektif kajian ini diadakan adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada tahap kepuasan hati penontonan filem cereka tempatan. Kajian ini telah dilaksanakan pada bulan Mac hingga Jun 2015 di 23 buah pawagam terpilih di kawasan Bandar dan luar bandar di seluruh Malaysia dan seramai 603 responden telah memberi maklumbalas semasa proses pungutan data dibuat. Berikut adalah hasil kajian yang didapat daripada 603 responden tersebut :

- 1) 71.8% responden telah mendapatkan sumber pengetahuan mengenai tayangan filem tempatan melalui saluran TV swasta;
- 2) 40.1% responden lebih berminat menonton di pawagam pada hari Sabtu, di antara pukul 2.00 petang hingga 7.00 petang;
- 3) 83.9% responden meminati genre komedi dan sebanyak 77% responden meminati genre filem aksi;
- 4) Selain daripada pawagam, 75.4% responden menjadikan saluran televisyen sebagai medium menonton filem cereka tempatan;
- 5) 53.4% responden melanggan pakej ASTRO First;


- 6) Penghasilan jalan cerita yang berkualiti (58.2% responden) dan teknik/alatan perfileman perlu ditambahbaik (28.2% responden) serta pengarah yang lebih kreatif (22.7% responden) merupakan harapan tertinggi responden dalam dunia perfileman cereka tempatan pada masa akan datang; dan
- 7) Selain itu juga pemilihan pelakon yang boleh menjiwai watak dan industri perfileman tempatan memerlukan pengarah yang kreatif adalah antara syor yang dikemukakan oleh responden. Responden juga berharap dapat dihasilkan filem yang bermutu dengan adanya suntikan dari Kerajaan dan penggunaan teknologi serta kepakaran dari luar negara.

Buku Data Perfileman Tempatan

Buku Data Perfileman Tempatan telah disediakan pada setiap bulan pada tahun 2015. Pengisian kandungan buku data ini merangkumi data aktiviti pengeluaran filem seperti Pulangan Duti Hiburan Filem Cereka Tempatan, Insentif Tayangan Filem Cereka, bilangan pengeluaran lesen filem, bilangan pengeluaran sijil perakuan penggambaran (SPP) dan kos pengeluaran filem berdasarkan SPP, bilangan sijil Filem Iklan Buatan Malaysia (MIM), bilangan Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA), bilangan penerbitan drama TV, bilangan penerbitan dokumentari dan promo FINAS serta data daripada Jawatankuasa Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL).

Selain itu, data daripada aktiviti latihan perfileman, pengimportan filem, tindakan kes dan nilai rampasan FINAS serta aktiviti promosi dan pemasaran filem tempatan ke pasaran antarabangsa dari tahun 2012 hingga 2015 juga dirangkumkan di dalam buku data ini.

Dikandungkan juga di dalam buku ini data berkaitan aktiviti pemameran yang meliputi kutipan dan penontonan untuk filem asing dan tempatan di pawagam, tayangan filem melalui Skim Wajib Tayang (SWT) dan tidak melalui SWT, tayangan filem cereka tempatan dan asing di pawagam dari tahun 2011 hingga 2015 dan tayangan filem cereka tempatan dari tahun 2012 hingga 2015. Berikut adalah data berkenaan penontonan pawagam mengikut bahasa dan negeri pada tahun 2015:



Memorandum Jemaah Menteri (MJM) bagi pembentangan Laporan Tahunan FINAS 2014 di Parlimen

Memorandum Jemaah Menteri (MJM) disediakan bagi tujuan untuk mendapatkan persetujuan Mesyuarat Jemaah Menteri bagi membentangkan Laporan Tahunan FINAS 2014 di sesi mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara Parlimen Malaysia.

Bagi tujuan ini unit ini telah menyelaras semua laporan bahagian dan unit di FINAS untuk tujuan penyediaan MJM ini. Laporan Tahunan FINAS 2014 telah dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen Ketiga Belas bulan Disember tahun 2015.

UNIT DASAR DAN PERANCANGAN

Urus Setia Mesyuarat Ahli Perbadanan:

Unit Dasar dan Perancangan bertanggungjawab dalam memastikan kelancaran perjalanan Mesyuarat Ahli Perbadanan. Pada tahun 2015, keahlian Perbadanan dianggotai seperti berikut :

Mesyuarat Ahli Perbadanan FINAS bagi tahun 2015 telah diadakan seperti berikut :

- a. Mesyuarat Ahli Perbadanan Bil. 1/2015
Tarikh : 10 Julai 2015 (Jumaat)
Masa : 3.00 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Pitching Centre CMPC, Platinum Sentral
- b. Mesyuarat Ahli Perbadanan Bil. 2/2015
Tarikh : 8 Oktober 2015 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Dewan Samad Idris, Aras 2 FINAS Hulu Kelang
- c. Mesyuarat Ahli Perbadanan Bil. 3/2015
Tarikh : 14 Disember 2015 (Isnin)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Dewan Samad Idris, Aras 2 FINAS Hulu Kelang

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 16 Kertas Kerja dan 6 Kertas Makluman telah dibincang dan dibentangkan pada Mesyuarat Ahli Perbadanan.

Mesyuarat Khas Ahli Perbadanan FINAS bagi tahun 2015 telah diadakan seperti berikut :


- a. Mesyuarat Khas Ahli Perbadanan Bil. 1/2015
Tarikh : 20 Ogos 2015 (Khamis)
Masa : 11.30 pagi
Tempat : Dewan Samad Idris, Aras 2 FINAS Hulu Kelang

Urus Setia Maklum Balas Minit Mesyuarat Pengurusan Tertinggi dan Pasca-Kabinet KKMM

Unit Dasar dan Perancangan bertanggungjawab menyediakan jawapan bagi maklum balas Minit Pengurusan dan Pasca-Kabinet KKMM yang berkaitan dengan FINAS dan dikemukakan kepada Urus Setia Mesyuarat Pengurusan Tertinggi dan Mesyuarat Pasca-Kabinet KKMM. Mesyuarat Pengurusan KKMM 2015 telah diadakan sebanyak tiga puluh sembilan (39) kali mesyuarat dan Mesyuarat Pasca-Kabinet KKMM 2015 telah diadakan sebanyak dua puluh empat (24) kali mesyuarat.

Urus Setia Mesyuarat Pengurusan FINAS

Sepanjang tahun 2015, Unit Dasar dan Perancangan telah menjalankan tugas Urus Setia Mesyuarat Pengurusan FINAS sebanyak enam belas (16) kali mesyuarat.





BAHAGIAN KOMERSIL DAN INOVASI

Aktiviti yang dijalankan oleh Unit Pemasaran bagi sepanjang tahun 2015 adalah merangkumi penyertaan di pasaran filem antarabangsa dan program-program antarabangsa.

1.PASARAN FILEM ANTARABANGSA

Selaras dengan Dasar Perfileman Negara (DFN), penyertaan FINAS di pasaran filem antarabangsa adalah untuk menggalakkan penerbit dan syarikat filem tempatan memasarkan dan mempromosikan produk serta perkhidmatan mereka serta melebarkan pasaran filem Malaysia ke pelbagai benua. FINAS secara konsisten membawa penerbit dan pengeluar menyertainya bagi mengukuhkan penyertaan Malaysia ke pasaran filem antarabangsa. Kerjasama strategik di antara FINAS dan agensi-agensi seperti MDEC, SKMM dan MATRADE telah memperkuatkannya lagi usaha pemasaran bersepadu ke peringkat global.

Pasaran filem antarabangsa merupakan landasan yang paling sesuai untuk mewujudkan rangkaian perniagaan, pengetahuan pasaran, hubungan dan peluang perniagaan dengan para profesional dalam bidang berkaitan.

Antara produk yang mendapat perhatian pembeli luar negara ialah filem cereka, dokumentari, animasi, filem pendek dan drama.

Pasaran filem antarabangsa memberi manfaat dalam pelbagai aspek terutama dalam urus niaga, peluang perniagaan, jaringan hubungan serta perkongsian ilmu bagi meningkatkan industri perfileman Malaysia. Ini sejajar dengan agenda kerajaan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi Negara (NKEA), industri kreatif ini berpotensi untuk menjana ekonomi berpendapatan tinggi.

Sepanjang tahun 2015, Unit Pemasaran telah mengetuai penyertaan di tiga pasaran filem antarabangsa dan bertindak sebagai badan penyelaras kepada para penerbit filem tempatan yang telah turut serta ke pasaran filem. Pasaran filem antarabangsa yang disertai sepanjang tahun 2015 dengan jualan eksport kandungan kreatif keseluruhan sebanyak RM 45.88 juta adalah seperti berikut:

PROGRAM PASARAN FILEM ANTARABANGSA YANG DI SERTAI BAGI TAHUN 2015

BIL	PASARAN FILEM	STATUS PASARAN	MAKLUMAT	PENCAPAIAN	
				JUMLAH SYARIKAT	NILAI JUALAN EKSPORT KANDUNGAN KREATIF (RM/JUTA)
1	Hong Kong International Film and TV Market HK Convention and Exhibition Centre, Hong Kong 23-26 Mac 2015	Sedia Ada	HK Film Mart merupakan pasaran pengisian global terbesar di rantau Asia Pasifik untuk para penerbit, penyiar, pengedar, pembekal serta pembeli filem dan program televisyen dari serata dunia.	16	15.2
2	MIPCOM, Palais De Festival, Cannes 5-8 Oktober 2015	Sedia Ada	MIPCOM merupakan pasaran pengisian global untuk para penerbit, penyiar, pengedar, pembekal serta pembeli filem dan program televisyen dari serata dunia. Justeru, MIPCOM memberi panduan kepada para peserta yang terlibat secara langsung dengan industri filem, televisyen, digital dan pengisian audio visual melalui rangkaian forum dan cara terkini penjualan pengisian di peringkat global.	25	22.32
3	Asia TV Forum and Market, Marina Bay Sands and Convention Centre, Singapura 1-4 Disember 2015	Sedia Ada	ATF 2015 adalah pasaran yang membantu penerbit filem tempatan memasarkan dan memperluaskan potensi pasaran produk filem dan program televisyen Malaysia terutama di peringkat Asia.	22	8.36

Unit Pemasaran juga, melalui strategi baru, telah menyertai Pasaran Filem Antarabangsa, American Film Market (AFM) secara kerjasama dengan ASEAN FILM GROUP. AFM telah berlangsung pada 4 – 11 November 2015 di Loews Hotel, Santa Monica, California, Amerika Syarikat. Gabungan penyertaan di bawah Asian Film Group ini merupakan gabungan penyertaan negara-negara ASEAN bagi memperkenalkan dan mempromosikan produk kandungan kreatif negara masing-masing selain menjenamakan negara-negara di bawah ASEAN sebagai hub kandungan kreatif dan lokasi penggambaran.

2.PROGRAM ANTARABANGSA

World Expo, Milan, Itali

Program World Expo yang berlangsung sepanjang Jun – Oktober 2015 di Milan, Itali merupakan program anjuran MATRADE. Program ini bertujuan memperkenalkan dan mempromosikan Malaysia di Itali. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program berlangsung yang merangkumi promosi kebudayaan, makanan, tempat pelancongan dan tidak ketinggalan produk industri kreatif. Unit Pemasaran telah membantu mendapatkan salinan filem dan dokumentari untuk tayangan sepanjang program ini berlangsung.

KL CONVERGE!

KL CONVERGE! merupakan program tahunan anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah berlangsung pada 27 – 29 Ogos 2015 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Program ini merupakan program antarabangsa berkaitan industri komunikasi dan industri kandungan kreatif di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang bertujuan untuk mengangkat industri komunikasi dan industri kandungan kreatif Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi.

Unit Pemasaran telah mengetuai program B2B Meeting dan Ekspos Character & Creative Animation Licensing Showcase. Seramai 40 pembeli berpotensi telah hadir dan sebanyak 600 mesyuarat telah diadakan sepanjang program B2B Meeting ini berlangsung, manakala sebanyak 9 syarikat tempatan dan antarabangsa telah menyertai Ekspos Character & Creative Animation Licensing Showcase.

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

SISTEM APLIKASI FINAS

1. Sistem Pelesenan : merupakan sebuah sistem aplikasi dalam talian yang dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) untuk kemudahan orang ramai berurusan mengenai permohonan baru, pembaharuan, pembayaran, pertanyaan, semakan lesen dan sijil seperti Pengeluaran Filem (PF), Pengeluaran Video (PV), Pengedaran Filem (DF), Pengedaran Video (DV), Pameran Filem (EF), Pameran Video (EV), Surat Akuan Filem Iklan Buatan Malaysia (MIM), Sijil Perakuan Penggambaran Filem (SPP), Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA)

Bayaran Filem

2. Sistem wajib tayang : Merekod jumlah kutipan filem tempatan melalui skim wajib tayang di panggung seluruh Malaysia
3. Sistem maklumbalas : memudahkan orang awam membuat maklumbalas atau pertanyaan berkaitan dengan perkhidmatan FINAS.

SISTEM APLIKASI INTRANET FINAS

1. Sistem Kewangan SAGA
2. Sistem MySPA
3. HRMIS -MAMPU
4. Myresult -MAMPU
5. SPP II - Sistem yang membantu Agensi Pusat, Kementerian serta agensi dibawahnya untuk memantau projek-projek pembangunan (Memerlukan Digital Signature).
6. 1Gov*Net Service Assurance Management System (SAMS 2.0)

Laman web FINAS menyediakan pautan pantas serta menyebarkan segala maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti FINAS, laporan & berita semasa dan sebagainya. Pelbagai usaha telah dilaksanakan ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan kepada pelanggan dan proses kerja melalui pelaksanaan pelbagai sistem dalam talian.

Dalam memenuhi piawaian dan kriteria MAMPU dan KKMM, pengubahsuaian rekabentuk serta kandungan telah dilaksanakan pada Laman Web FINAS. Oktober 2015, secara rasminya, laman web FINAS berwajah baru dan memenuhi aspirasi transformasi kerajaan. Penambahan

ciri-ciri responsive pada laman web memudahkan akses pada tablet mahupun telefon bimbit. Selaras dengan perubahan imej laman web FINAS, para pengunjung diharap dapat mengakses setiap maklumat dengan mudah.

The screenshot shows the FINAS website's homepage. At the top, there is a navigation bar with links for HOME, ABOUT US, INDUSTRY INFORMATION, SERVICES, NEWS, PUBLICATION, PUBLIC & STAFF, GALLERY, and ENGLISH. Below the navigation is a banner with the text "THE REVOLUTION OF DIGITAL TECHNOLOGY AND INTERNET ECONOMIC ACCELERATE TRANSFORMATION OF FUTURE CONTENT INDUSTRY". The main content area features several news articles and movie posters:

- KL CONVERGE** (1 MONTH AGO) - Read More
- THE REVOLUTION OF DIGITAL TECHNOLOGY AND INTE...** (3 WEEKS AGO)
- FILM MEDIUM INTERPRET NATIONAL EDUCATION PHI...** (2 WEEKS AGO)
- LOVE SUPERMOON TACKLES INTERNATIONAL AUDIENCE...** (4 HOURS AGO)

Below these are three movie posters:

- ROCK BRO - 27 OCT 2016** (1 MONTH AGO) - KHAIR RAHMAN, PEKIN V, SOFFI JIKAN
- INTERCHANGE - 1 DEC 2016** (3 WEEKS AGO) - ALIAS DAN SUNDAR SAID
- JENG JENG JENG! - 24 NOV 2016** (3 WEEKS AGO) - ASYERA PUTRI AZHAR, UPIN IUPIN, PUTERI BALQISH AWIE, REMY SHAKA, SARA ALI DARBUTI

At the bottom, there is a section titled "ANNOUNCEMENT" featuring links to various services:

- MALAYSIAN BOX OFFICE
- FACILITIES
- FIMI
- ONLINE SERVICES
- CMPC
- CILLMY
- GLOBAL BLUE OCEAN AWARDS

PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR DAN PERKHIDMATAN BANTUAN TEKNIKAL

Sepanjang tahun 2015, Unit Teknologi Maklumat telah menjalankan pemantauan keselamatan ICT yang merangkumi penggunaan rangkaian dan pengoptimuman penggunaan rangkaian FINAS dengan cekap dan berkesan. Melalui pemantauan ini didapati tiada sebarang insiden keselamatan IT yang serius. Penyenggaraan kemudahan ICT (perkakasan dan perisian) telah dilaksanakan pada bulan Mei dan September 2015 bagi memastikan prestasi komputer, peralatan dan rangkaian berada dalam keadaan baik dan optimum. Keseluruhan aduan diterima daripada FINAS Ibu Pejabat Hulu Kelang, FINAS Petaling Jaya, Content Malaysia Pitching Centre (CMPC) Platinum Sentral dan 5 Pejabat Area Office.

Pada November 2015, kerja-kerja naiktaraf telah dilaksanakan meliputi penambahan aplikasi rangkaian baru dan pemasangan taliand fiber bagi menghubungkan setiap tingkat dan bangunan. Selain daripada itu, pemasangan WiFi bersepadu bagi meningkatkan kecekapan pengurusan WiFi di FINAS turut dilaksanakan. Ianya bagi memberikan akses internet percuma kepada pengunjung dan pelanggan semasa berurus di FINAS.

KHIDMAT BANTUAN TEKNIKAL DISELESAIKAN SEPANJANG 2015



Khidmat Bantuan Teknikal

Komputer	782
Komputer Riba	35
Server	27
Perisian	354
Sistem Aplikasi	115
Rangkaian	211
Virus	93
Mesin Pencetak	244

1861

Secara keseluruhan jumlah aduan diterima ialah sebanyak 1861. Manakala aduan diselesaikan adalah 100% daripada aduan yang diterima. Pecahan aduan mengikut kategori adalah seperti di rajah Khidmat bantuan teknikal sehingga Disember 2015.

BAHAGIAN ARKIB DAN PENGURUSAN KANDUNGAN

Fungsi

Melaksanakan aktiviti-aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan bahan kandungan dalam Vault Filem FINAS Petaling Jaya bagi memastikan koleksi bahan kandungan terpelihara untuk rujukan generasi akan datang. Terdiri daripada tiga unit : Unit Semakan dan Baik pulih, Unit Restorasi dan Unit Pengurusan Vault.

1) Unit Semakan dan Baik pulih

Bertanggungjawab untuk melaksanakan semakan berkala keatas koleksi untuk membendung kemerosotan (deterioration) bahan, menilai dan melapor kerosakan serta melakukan baikpulih fizikal ke atas bahan yang mengalami kerosakan.

Pencapaian bagi tahun 2015 :- semakan sebanyak 4,941 cans.

2) Unit Restorasi

Terdiri dari dua sub unit: Sub Unit Restorasi Digital dan Sub Unit Alihan Bahan. Sub Unit Restorasi Digital bertanggungjawab untuk aktiviti mencuci/membersih filem, pendigitalan (*scanning*), *color correction* dan restorasi digital. Sub Unit Alihan bertanggungjawab untuk kerja-kerja alihan kepadabagai format.

Pencapaian tahun 2015:-

- i) Sub Unit Restorasi
 - a. Cucian ultrasonic – 215 gulung filem untuk 121 tajuk sepanjang 81,548 kaki
 - b. Pendigitalan still photos – 907 keping gambar
 - c. Digital restore – 1,737 kaki
- ii) Sub Unit Alihan
 - a. Prebiu dan Semakan Kualiti (QC) (Format 2K) Bahan Arkib : 78 tajuk (28j 18m 46s 17f)
 - b. Alihan Audio dan Visual Bahan Simpanan Arkib (Format 2K) ke Pita DVC PRO HD Bahan Arkib : 77 tajuk (27j 29m 53s 08f)
 - c. Alihan Bahan Simpanan Arkib (Format 2K) ke Pita LTO Bahan Arkib : 78 tajuk(28j 18m 46s 17f)

3) Unit Pengurusan Vault Audio Visual

Bertanggungjawab untuk aktiviti pengurusan vault: inventori vault, penyusunan, pengantian bahan pemuliharaan, ujian AD strip, pemantauan suhu dan kelembapan vault.

Pencapaian tahun 2015:-

- a) Penyimpanan dan pengantian bahan pemuliharaan – 17,820 can
- b) Pemantauan suhu dan kelembapan – 960 bacaan
- c) Penyediaan bahan untuk alihan – 900 can
- d) Ujian AD strip – 2880 ujian

UNIT KANDUNGAN DIGITAL

Projek Digital Asset Management and Distribution System (Damnds) @ MyCC4dWorld

Digital Asset Management And Distribution System(DAMNDS) atau dikenali sebagai MyCC4dWorld adalah projek peruntukan NKEA yang telah dibangunkan menerusi projek MyCreative Content (EPP1) di bawah bidang *Communication, Content and Infrastructure* (CCI). Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah dilantik sebagai koordinator bagi tiga (3) agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) iaitu Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Jabatan Penyiaran Malaysia dan Jabatan Penerangan Malaysia manakala satu (1) agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan iaitu Arkib Negara Malaysia (ANM).

Sistem ini berperanan sebagai repositori asset digital berpusat dan hub pengedaran kandungan bahan digital (audio, video, imej dan dokumen) bernilai komersil di KKMM. Sistem ini menyediakan platform untuk perkongsian kandungan digital secara dalam talian bagi membantu merangsang pembangunan kandungan tempatan dan memudahkan penjualan di dalam dan ke luar negara. Di samping itu, proses pemuliharaan dan pemeliharaan bahan turut dilakukan.

Pencapaian projek ini bagi tahun 2015 adalah dari segi jumlah hasil penjualan bahan dari setiap agensi yang telah didigitalkan melalui peruntukan NKEA Digitization. Sehubungan itu, pencapaian jumlah hasil jualan bahan digital untuk tahun 2015 adalah RM196,010 iaitu Ringgit Malaysia Satu Ratus Sembilan Puluh Enam Ribu Sepuluh Ringgit sahaja. Graf pencapaian hasil jualan bahan adalah seperti di Jadual 1.

CARTA BAGI JUMLAH HASIL BAHAN YANG DIJUAL MENGIKUT AGENSI




● FINAS	39 % (RM 75,690)
● RTM	33 % (RM 64,560)
● Bernama	15 % (RM 29,500)
● Japen	9 % (RM 18,330)
● ANM	4 % (RM 7,930)

Antara pencapaian lain adalah perlaksanaan tiga kontrak iaitu *"Tender For The Sustenance To Provide The Support Services And Technical Maintenance For The Existing Of MyCC4dWorld System"*, *"Tender For The Leasing Of Connectivity Services For The Existing Of MyCC4dWorld System"* dan *"Perkhidmatan Sewaan Ruang Sistem dan Storan Pusat Data Di Heitech Village 2 (HTV2) Shah Alam"* telah dilantik bagi tempoh 2 tahun. Kontrak-kontrak ini berakhir Julai 2016.

Disamping itu, beberapa perbincangan telah dilakukan di antara FINAS dengan PEMANDU dan juga SKMM bagi membincangkan hala tuju baharu model perniagaan MyCC4dWorld. Perbincangan ini juga telah disepakati oleh agensi-agensi yang terlibat di dalam projek MyCC4dWorld. Selain itu, perbincangan juga menyentuh hala tuju kontrak perkhidmatan sokongan sedia ada setelah tamat kontrak.

FINAS selaku koordinator projek telah melakukan kunjungan muhibbah di RTM, ANM dan juga syarikat Muda Karisma Sdn. Bhd., Thames Technology Sdn. Bhd., dan Heitech Padu Sdn. Bhd. FINAS juga telah menjemput wakil dari PEMANDU untuk melawat tapak kerja-kerja berkaitan projek MyCC4dWorld di Heitech Padu dan FINAS Petaling Jaya.





BAHAGIAN HAL EHWAL KORPORAT DAN PENGURUSAN STRATEGIK

1. LAMAN SESAWANG FINAS

Laman Sesawang FINAS telah mencapai 295,324 hits pada tahun 2015. Laman Rasmi sesawang FINAS adalah laman rasmi FINAS dan segala makluman dan kemaskini mengenai Perbadanan akan dikongsikan di laman sesawang ini. Di laman sesawang ini mempunyai maklumat mengenai pegawai, berita terkini mengenai Perbadanan, berita berkaitan Perbadanan dan industri kreatif, maklumat skim Wajib Tayang, kemudahan yang disediakan, maklumat lesen, Content Malaysia Pitching Centre (CMPC) dan segala yang berkaitan industri kita.

2. LAWATAN KE FINAS

Semenjak Januari 2015 sehingga hujung tahun 2015, FINAS telah menerima seramai 516 orang pelawat dari pelbagai agensi, IPTA, IPTS, Politeknik, sekolah serta agensi kerajaan. Semua pelawat yang hadir akan diberikan taklimat oleh pegawai yang bertugas mengenai kemudahan, fungsi serta perkhidmatan yang ditawarkan yang terdapat di FINAS dan dibawa melawat pusat pasca produksi iaitu, FinasPost, Studio Sound Stage Studio Digital; FINAS Petaling Jaya; Content Malaysia Pitching Centre (CMPC).

3. PENGADUAN AWAM

FINAS telah melaksanakan Sistem Pengurusan Aduan yang dinamakan Integrated Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam (iSPAAA) iaitu pengurusan pengendalian maklum balas pelanggan adalah lebih sistematik, cekap dan efisyen. iSPAAA merupakan satu platform sistem pengurusan aduan awam yang seragam dan bersepadan di kesemua Kementerian/Agensi kerajaan dan ianya menjadi pemudahcara dalam satu teknologi yang menggabungkan amalan terbaik dalam pengurusan aduan awam berdasarkan konsep 3R (*Responding, Recording dan Reporting*) dan persekitaran 5S (Strategi, Sistem, Struktur dan Sumber Manusia). Sepanjang tahun 2015, FINAS telah menerima sebanyak 4 aduan dan kesemuanya telah selesai dijawab.



4. ZIARAH DAN SUMBANGAN KARYAWAN SENI

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) menerusi FINAS telah menyalurkan sumbangan khairat kematian atau bantuan perubatan kepada pelakon/ ahli keluarga karyawan seni yang memerlukan bantuan kewangan. Melalui Tabung Kebajikan Penggiat Seni, FINAS telah menyerahkan sumbangan dan menziarahi karyawan seni yang telah meninggal dunia dan sakit. Antara karyawan seni yang telah menerima sumbangan ialah YBhg. Tan Sri Jins Shamsuddin, Allahyarhamah Seniwati Mariani Ismail, Allahyarham Harun Salim Bachik serta Allahyarham Azwan Anuar.



5. SESI BERSAMA MEDIA

Hubungan dua hala ini adalah bertujuan untuk menjalinkan hubungan baik antara kedua pihak iaitu FINAS dan pihak media. Sesi pertemuan ini telah diadakan sebanyak 5 kali sepanjang tahun 2015.

Pada 10 Disember 2015, satu majlis Malam Penghargaan Media 2015 telah diadakan di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur bagi menghargai usaha dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang tertubuhnya FINAS.



6. KERATAN AKHBAR BERKAITAN INDUSTRI

KANDUNGAN KREATIF

FINAS amat prihatin terhadap perkembangan industri kandungan kreatif yang semakin membangun dengan pesat. Pelbagai pandangan, cadangan dan idea serta isu-isu semasa perfileman telah diutarakan oleh pihak media masa. Justeru itu, Unit MEDIA telah mengambil inisiatif, dengan memantau keratan-keratan akhbar terutamanya berita atau artikel mengenai FINAS serta kegiatan industri kandungan kreatif dari semasa ke semasa.



AKTIVITI-AKTIVITI UNIT MEDIA SEPANJANG 2015

BIL	AKTIVITI-AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1	Lawatan Ketua Pengarah FINAS ke Astro	6/1/2015	ASTRO
2	Penyampaian ITFC & Pemberian Bantuan Pentadbiran Persatuan	7/1/2015	Pawagam Mini P. Ramlee
3	Perkongsian Ilmu : GST	8/1/2015	Pawagam Mini P. Ramlee
4	Perkongsian Ilmu : GST	9/1/2015	Pawagam Mini P. Ramlee
5	Perjumpaan Persatuan	29/1/2015	
6	Menteri KKMM menziarahi Tan Sri Jins Shamsudin	6/2/2015	Kampung Pasir, Hulu Kelang
7	Perkongsian Ilmu : Hak Harta Intelek	12/2/2015	Pawagam Mini P. Ramlee
8	Menziarah & Menyampaikan Sumbangan kepada keluarga Arwah Harun Salim Bachik	9/3/2015	Pandan Jaya, KL
9	Melawat & Menyampaikan Sumbangan Seniwati Mariani Ismail	11/3/2015	Sentul, KL
10	Perkongsian Ilmu : Free Trade Aggrement	19/3/2015	Pawagam Mini P. Ramlee
11	Jemputan Media : Perasmian Pitching Centre	2/4/2015	Pitching Centre
12	Perjumpaan KP bersama Media	8/4/2015	Royal Chulan Damansara
13	Menziarah & Menyampaikan Sumbangan kepada keluarga Arwah Azwan Anuar	18/4/2015	Ampang
14	Perbincangan bersama Media : Kerjasama untuk FFM 27	6/5/2015	Mix Stage, FINAS
15	Jemputan Media : Tayangan Aprisiasi Filem Penanggal	7/5/2015	Pawagam Mini P. Ramlee
16	Sesi Dialog bersama Persatuan	8/5/2015	Pitching Centre
17	Jemputan Media: Mysc dan Profima (MOU)	22/5/2015	Pawagam Mini P. Ramlee
18	Sidang Media : Festival Filem Johor	26/5/2015	Pawagam Mini P. Ramlee
19	Amanat YB Menteri kepada Pegawai & Pengurusan Tertinggi FINAS	1/6/2015	Pitching Centre
20	Sidang Media : King Of Shadow	2/6/2015	Pitching Centre
21	Sidang Media bersama Pengerusi Baharu FINAS: DSA	10/6/2015	PNB
22	Jemputan Media : Next New Wave	14/6/2015	Pitching Centre
23	Jemputan Media : Forum The International Film Festival Demystified	18/6/2015	Pitching Centre
24	Lawatan Pengerusi FINAS (DSA) ke Media Prima	8/7/2015	Sri Pentas
25	Majlis Berbuka Puasa dan Sumbangan Hari Raya Bersama Media, Ahli Perbadanan, Artis veteran & NGO	13/7/2015	Dataran Karyawan
26	Sesi Ramah Mesra DSA dengan Media Hiburan	30/7/2015	Restoran Rebung
27	Jemputan Media: Sesi Dialog bersama Persatuan, Soft Launch FFM 27 & Hari Raya FINAS	4/8/2015	Dataran Karyawan
28	Sidang Media FFM 27	18/8/2015	KL Tower
29	Sesi Interview Slot FFM 27	22/8/2015	RTM
30	Jemputan Media : Networking Dinner Sempena KL Converge	28/8/2015	Hotel Impiana, KL
31	Jemputan Media: Malam Perasmian FFM 27	2/9/2015	Symphony Lake KLCC
32	Jemputan Media : Launching Film Expo	4/9/2015	Convention Centre KLCC
33	Jemputan Media: Malam Anugerah FFM 27	5/9/2015	Convention Centre KLCC
34	Perjumpaan KP bersama Media	10/9/2015	Hotel A- Loft
35	Jemputan Media: Pengumuman & Penyampaian Watikah Perlantikan Pengerusi Baharu (DKT)	22/9/2015	Aras 35, KKMM

BIL	AKTIVITI-AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
36	Sesi Interview KP dengan radio BFM	16/10/2015	Radio BFM
37	Jemputan Media : #tanya KP FINAS	30/10/2015	Pitching Centre
38	Jemputan Media: Majlis Perasmian YFF 15	24/11/2015	Sound Stage FINAS
39	Jemputan Media: #tanya KP FINAS	27/11/2015	Pitching Centre
40	Jemputan Media : Festival Filem Pelajar	29/11/2015	UMK, Kelantan
41	Sesi ramah mesra dengan media	2/12/2015	Concorde KL
42	CSR : Rumah Anak Yatim Miskin Tahfiz Al Habbah	3/12/2015	Sg. Tua
43	Sidang Media : Skim Wajib Tayang & ITFC	8/12/2015	Pitching Centre
44	Media Night	10/12/2015	Royal Chulan, KL
45	Jemputan Media: Malam Aprisiasi Artis Veteran	19/12/2015	SACC, Shah Alam

UNIT PROMOSI

Sejajar dengan Dasar Perfileman Negara (DFN) yang memberi penekanan kepada promosi domestik filem-filem tempatan, Unit Promosi FINAS berperanan merangka program-program yang menjana kepada hebahan secara langsung dunia perfileman tanah air termasuk fungsi dan peranan FINAS kepada masyarakat. Selain itu program dan aktiviti juga mencerminkan usaha memupuk semangat mencintai filem-filem tempatan di kepada masyarakat yang menjadi pemangkin kepada pembangunan industri. Empat program utama Unit Promosi FINAS adalah:

- Pameran
- Kelab Pencinta Filem (KPF)

iii. Program Merakyatkan Filem
iv. Penyertaan Filem Antarabangsa dan tayangan filem di luar negara

i) Pameran

Penyertaan pameran anjuran Kementerian, Agensi dan badan-badan NGO di seluruh Malaysia adalah landasan strategik mempromosikan peranan FINAS selain membina hubungan secara langsung dengan masyarakat dari pelbagai lokasi dan latar belakang memberi pendedahan kepada dunia perfileman secara tidak langsung. Program-program sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH	PROGRAM
1.	2 - 6 Mac 2015	Pameran "Digital Broadcasting Symposium" di Hotel Istana, Kuala Lumpur.
2.	13 - 15 Mac 2015	Pameran sempena Program Konvensyen dan Karnival Komuniti 1Malaysia peringkat Negeri Sarawak 2015 (Lan Berduyuk-Duyuk) bertempat di Tebingan Sungai Lundu, Daerah Lundu, Sarawak.
3.	28 - 29 Mac 2015	Pameran Buku & Bazar tahun 2015 serta wayang pacak bertempat di Underground, Dataran Merdeka.
4.	9 - 11 April 2015	Pameran Asean International Film Festival (AIFFA 2015) Kuching, Sarawak.
5.	8 - 10 Mei 2015	Pameran sempena "Semarak Johor 2015" di Dataran Dato Jalok, Benot Pontian, Johor.
6.	26 - 28 Mei 2015	Pameran Asia Media Summit bertempat di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur.
7.	4 - 5 September 2015	Pameran sempena "Filem Expo 2015" di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)
8.	18 - 19 September 2015	Pameran sempena "Program Muafakat K1M Peringkat Negeri Tahun 2015" di Dataran Segamat, Johor.
9.	26 - 27 September 2015	Program Pameran Melaka Street Vintage 2015 anjuran Politeknik Merlimau, bertempat di Dataran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
10	20 - 22 November 2015	Program "Semarak Johor 2015 Gelang Patah "bertempat di Padang Awam MPJBT Gelang Patah.
11.	17 Disember 2015	Program sesi ceramah perkongsian ilmu bersama selebriti di KKMM.
12.	8 - 12 Disember 2015	Program Perhimpunan Agung UMNO(PAU) 2015 di PWTC Kuala Lumpur.

GALERI GAMBAR AKTIVITI PROGRAM PAMERAN



ii) Kelab Pencinta Filem (KPF)

Kelab Pencinta Filem (KPF) ditubuhkan pada bulan Jun 2007 di Covent Garden, London hasil cetusan idea YB. Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ketika itu. Kelab ini ditubuhkan bagi menjana semangat mencintai filem-filem tempatan di kalangan generasi muda khususnya para pelajar. Sehingga tahun 2014, jumlah kelab adalah sebanyak 96 buah termasuk tiga Persatuan Pelajar Malaysia di Melbourne, London dan Medan dengan keahlian melebihi 10 ribu ahli. Program-program KPF ini adalah inisiatif pihak KPF di institusi masing-masing dan melalui program Kem dan Jelajah Pencinta Filem anjuran FINAS yang memberi pengajaran secara langsung kepada para ahli. Program-program KPF tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL	TARIKH	PROGRAM
1.	2 Januari 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem siri 1 : SMK Pekan Baru.
2.	3 Januari 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem :- SMK LKPT Jengka 2. SMK Felda Jengka 24,Pahang
3.	24 Januari 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem :- SMK Serting Hilir Kompleks, Johor
4.	30 – 31 Januari 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem siri 2 :- SMK Paloh, Kluang SMK Nitar, Mersing
5.	1 Februari 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem:- SMK Semenchu, Kota Tinggi Johor
6.	7 – 8 Februari 2015	Jelajah Komuniti Interaktif 1Malaysia siri 1:- SMK Padang Serai, Kedah SMK Kulim, Kedah SMK Baling, Kedah

BIL	TARIKH	PROGRAM
7.	6 – 7 Mac 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem Siri 3:- SMK Sungai Aceh,Nibong Tebal,Kedah SMK Sungai Aceh SMK Nibong Tebal SMK Tunku Anum, Jitra SMK Tunku Bendahara, Jitra
8.	8 Mac 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem :- SMK Temenggong Ktil, Perak.
9.	3 April 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem :- SMK Raja Fauziah Padang Besar, Kedah.
10.	6 April 2015	Lawatan Interaktif Kelab Pencinta Filem:- Universiti Malaysia Sabah (UMS)
11.	11 April 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem :- SMK Changkat Lada ,Perak
12.	17 April 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem :- SMK Tunku Anum, Jitra, Kedah
13.	23 April 2015	Lawatan Interaktif Kelab Pencinta Filem di FINAS:- SMK Pekan Baru, Johor
14.	25 April 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem :- SMK Felda Jengka 24
15.	28 April 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem:- SMK Ranau
16.	15 Mei 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem :- SMK Sungai Aceh, Nibong Tebal, Kedah
17.	29 Mei 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem :- SMK Pekan Baru, Muar, Johor
18.	30 Mei 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem :- SMK Pekan Baru, Muar, Johor
19.	3 Julai 2015	Lawatan Interaktif Kelab Pencinta Filem:- SMK Tunku Bendahara Jitra, Kedah
20.	7 September 2014	Lawatan Interaktif Kelab Pencinta Filem:- pelajar Politeknik Singapura
21.	27 September 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem :- SMK Pekan Baru, Muar, Johor
22.	3 – 4 Oktober 2015	Jelajah Pencinta Filem bersama ahli-ahli Kelab Pencinta Filem siri 5 :- SMK Geliga Kemaman, Terengganu SMK Semantan Mentakab
23.	24 November 2015	Lawatan Kelab Pencinta Filem ke FINAS:- Yayasan Kebajikan 1 Suria, Kota Kinabalu, Sabah.
24.	12 –13 Disember 2015	Jelajah Pencinta Filem & Bicara apresiasi seni siri 7:- Universiti Malaysia Terengganu.
25.	20 – 21 Disember 2015	Jelajah Pencinta Filem siri 8 2015 Universiti Malaysia Sabah

Galeri gambar aktiviti Program Kelab Pencinta Filem (KPF)



iii) Program Merakyatkan Filem

Program Merakyatkan Filem adalah bertujuan untuk membudayakan kembali semangat mencintai filem-filem tempatan di kalangan masyarakat melalui tayangan filem-filem tempatan secara percuma. Program-program utama adalah di premis FINAS selain kerjasama penganjuran dengan IPT/NGO dan komuniti seluruh Malaysia.

Senarai aktiviti Program Merakyatkan Filem bagi tahun 2015

BIL.	TARIKH	PROGRAM
1.	27 Februari 2015	Wayang pacak tayangan " OPHILIA " di Dataran Karyawan FINAS.
2.	13 Mac 2015	Program wayang pacak sempena Pesta Bazar&Buku di Underground Dataran Merdeka.
3.	9 Mei 2015	Tayangan dan apresiasi filem tempatan bertempat di Galeri Perfileman FINAS, Jalan Pahang Kuala Lumpur.
4.	26 Ogos 2015	Tayangan dan apresiasi filem tempatan (The Journey) sempena "ASEAN Film Screening 2015" di TGV Suria KLCC.
5.	27 Ogos 2015	Tayangan dan apresiasi filem tempatan (Terbaik dari Langit) sempena "ASEAN Film Screening 2015" di TGV Suria KLCC.
6.	28 Ogos 2015	Tayangan dan apresiasi filem tempatan (Lelaki Harapan Dunia) sempena "ASEAN Film Screening 2015" di GSC Pavilion .
7.	29 Ogos 2015	Tayangan dan apresiasi filem tempatan (Cuak) sempena "ASEAN Film Screening 2015" di GSC Pavilion
8.	10-11 Oktober 2015	Program wayang pacak serta apresiasi sempena tayangan filem " Bravo " di Dewan Tan Sri Ghazali Jawi Slim River, Perak.
9.	27 November 2015	Tayangan wayang pacak serta apresiasi filem sempena filem "Kerja Kahwin" di Pinewood Studios, Johor.

Galeri gambar aktiviti Program Kelab Pencinta Filem (KPF)



iv) Festival Filem Antarabangsa dan tayangan filem di luar negara

Sepanjang tahun 2015, Unit Promosi telah menghantar filem-filem tempatan bagi tujuan nominasi dan tayangan di Festival Filem Antarabangsa dan Minggu Filem Malaysia di luar negara. Penyertaan dan tayangan ke luar negara adalah strategi bagi mempromosikan filem-filem Malaysia berkualiti di luar negara dan sebagai langkah strategik pendedahan filem tempatan di peringkat antarabangsa adalah seperti berikut:

BIL	NAMA FESTIVAL/KEDUTAAN	PENGANJUR	FILEM	TUJUAN
1.	<i>ASEAN Film Festival (4) Prague, Czech Republic</i>	<i>Embassy of Malaysia Prague Na Zatorce</i>	Terbaik dari Langit <i>The Journey</i>	Tayangan
2.	<i>ASEAN Film Festival Wellington, New Zealand</i>	<i>High Commission of Malaysia Wellington</i>	Terbaik Dari Langit <i>The Journey</i>	Tayangan
3.	<i>ASEAN Film Festival Kazakhstan</i>	<i>Embassy of Malaysia 26 Sarayshyk St Diplomatic Village 01000 Astana.</i>	Terbaik Dari Langit <i>The Journey</i>	Tayangan
4.	<i>ASIA On Screen 2015, Philippines</i>	<i>Shangri-La Cineplex, Manduluyong</i>	Terbaik dari Langit <i>The Journey</i>	Tayangan
5.	<i>International Film Expo (The World Premieres Film Festival Philippines)</i>	<i>Ministry of Tourism and Culture Malaysia</i>	Terbaik Dari Langit <i>The Journey</i>	Tayangan
6.	<i>13th Zagreb, Croatia Film Festival 2015</i>	<i>Embassy Of Malaysia in the Republic of Croatia.</i>	Magika Hikayat Merong Mahawangsa Bunohan Songlap <i>The Journey</i>	Tayangan
7.	<i>Jordan Film Festival</i>	<i>Malaysian Embassy in Amman, Jordan</i>	<i>The Journey</i> Terbaik Dari Langit <i>Seefood</i> Penanggal	Tayangan
8.	<i>The International Community Film Pyongyang, North Korea</i>	<i>Diplomatic enclave Munhung-Dong, Taedong District Pyongyang.</i>	<i>The Journey</i> Terbaik dari Langit Hikayat Merong Mahawangsa Bunohan Songlap Lelaki Harapan Dunia	Tayangan

UNIT ACARA

1. Majlis Short Film Showcase

Tarikh : 21 & 22 Mac 2015

Tempat : Dataran Underground, Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Tayangan Filem Pendek secara santai dengan "Bean bags" di "Centre of Arts for Grabs" Dataran Underground Plaza, Dataran Merdeka.

MASA & TARIKH	FILM	DIRECTOR	DURATION
21 MAC (SAB) 12PM, 3PM, 6PM	Budak Baru	Megat Sharizal	19 MINIT
	Fix	We Jun Cho	10 MINIT
22 MAC (AHAD) 1PM, 4PM	Hujan Panas	Nadiah Hamzah	20 MINIT
21 MAC (SAB) 1PM, 4PM, 7PM	Langad Di Odu	Bebbra Charles Mailin	11 MINIT
22 MAC (AHAD) 2PM, 5PM	<i>My Name Is Francois</i>	Ismail Jamaludin	16 MINIT
	Pasak	Amanda Nell Eu	20 MINIT
21 MAC (SAB) 2PM, 5PM	<i>Welcome To Kampung Radioaktif</i>	Liew Seng Tat	14 MINIT
22 MAC (AHAD) 12PM, 3PM	<i>Springtime Nostalgia</i>	Edmund Yeo	14 MINIT



2. Majlis Pelancaran Content Malaysia Pitching Centre (CMPC)

Pelancaran Pusat Pitching Malaysia telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Komunikasi dan Multimedia (KKMM) di Platinum Sentral, Kuala Lumpur pada 2 April 2015 yang lalu. Majlis pelancaran telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Jailani Johari, Timbalan Menteri KKMM, YBhg. Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad, Ketua Setiausaha KKMM, YBhg. Dato Mohid Mohamed, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KKMM, YBhg. Datuk Che Azemi Haron, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KKMM, YBhg. Dato' Kamil Othman, Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), YBhg. Dato' Haji Abu Bakar Ab. Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), YBhg. Dato' Sri Dr Halim Shafie, Pengurus Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), dan YBrs. Hasnul Hadi Samsudin, Pengarah Kreatif dan Multimedia, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC). Turut hadir ialah wakil persatuan perfileman dan peminat industri.



3. World IP Day

Hari Hak Harta Intelek 2015 atau 'World IP Day' telah diadakan di Cathay E-Curve Damansara pada 27 April 2015 yang lalu. Bertemakan "Get Up, Stand Up For Music." Majlis dimulakan dengan ucapan daripada Encik Frank Rittman dari MPA, diikuti oleh Puan Khalidah Mohd Darus selaku wakil dari FINAS, En. Norman Abdul Halim dari RIM dan juga mesej video yang telah disampaikan oleh Dato' Hassan Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Puan Khalidah Mohd Darus, Timbalan Ketua Pengarah FINAS mewakili industri filem tempatan dalam ucapannya menegaskan bagaimana muzik masih bahan yang sangat penting dalam pembuatan filem dan kepentingan hak harta intelek mana-mana industri kreatif, dan terutamanya industri filem secara keseluruhan. Beliau turut memaklumkan mengenai inisiatif terkini dengan penubuhan Pusat 'Pitching' FINAS yang terletak di Platinum Sentral, Kuala Lumpur.



4. Asia Media Summit

Sidang Kemuncak Asia Media Summit 2015 telah diadakan dengan jayanya pada 26 Mei 2015 di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur yang lalu. Bertemakan "Transformasi penyiaran dalam era media sosial," sidang kemuncak yang dianjurkan oleh Institut Asia Pacific Institute for Broadcasting Development (AIBD) bersama Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) dengan sokongan Kementerian Komunikasi dan Multimedia, (KKMM). Sidang ini telah membincangkan antara lain interaksi penyiar dengan media sosial serta kesan kepada operasi penyiaran dan perniagaan.

Sidang kemuncak Asia Media Summit telah berlangsung di negara-negara Asia yang lain dan kini kembali ke Malaysia selepas enam tahun.



5. FICCI – IIFA Business Forum

IIFA telah kembali ke Malaysia untuk kali yang kedua dengan edisi ke-16 dan sambutan ini di adakan dengan meriahnya di Kuala Lumpur. 'International Indian Film Academy' (IIFA) juga turut merangkumi forum FICCI-IIFA Global bertemakan 'Cinema Opportunities'.

Ucapan penutupan forum mengenai peluang antara India dan Malaysia telah disampaikan oleh Pengarah Kanan, Komersil dan Inovasi FINAS, Encik Azmir Mutalib. Memandangkan persamaan budaya dan latar belakang sejarah India dan Malaysia, ia boleh menjadi satu kerjasama berhasil dan peluang untuk menggalakkan perdagangan dan pelancongan antara kedua-dua negara.

Beliau turut menerangkan mengenai rebat tunai dan penggambaran lokasi di Malaysia memberi penekanan kepada insentif sebanyak 30 peratus bagi sebarang projek asing di Malaysia. Banyak filem bollywood seperti Don, Fanaa dan Humraaz telah menjalani pengambaran di tempat-tempat yang sangat menarik seperti Langkawi, KLIA dan Menara Berkembar Petronas. Beliau juga amat berharap agar lebih ramai pembikin filem India meneroka Malaysia dan menjadikan negara ini sebagai lokasi penggambaran pilihan mereka.



6. Festival Filem Johor Bahru

'The Johor Society for the Performing Arts' (JSPA) telah mengadakan Festival Filem Johor Bahru dengan julung kalinya pada tahun 2015. Festival filem merupakan medium yang membantu orang ramai untuk bersama-sama mendapat peluang dan menonton filem-filem terutamanya dari Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Kemboja, Bangladesh, Filipina, India, Perancis dan Jepun. Festival ini telah diadakan pada 11-13 Jun 2015. Hadir selaku tetamu kehormat pada malam glamor ini adalah YAM Tunku Tun Aminah yang juga turut menyampaikan hadiah kepada perwakilan asing dan FINAS. Sesi karpet merah juga turut diserikan dengan kehadiran Ketua Pengarah FINAS, Dato' Kamil Othman, Timbalan Ketua Pengarah, Puan Khalidah Mohd Darus dan Dato Fauzi Ayob, Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat.

'The White Box' Galeri Seni Lukis oleh Ahmad Zakii juga turut dibuka untuk tontonan umum. Para tetamu kemudiannya turut dihiburkan dengan tayangan filem Malaysia berjudul Cuak, yang telah diarahkan oleh lima pengarah tempatan - Khairil M Bahar, Manesh Nesaratnam, Lim Benji, Tony Pietra Arjuna dan Shamaine Othman.



7. Majlis Sambutan Aidilfitri FINAS

Majlis Sambutan Aidilfitri telah diadakan pada 5 Ogos 2015 di Dataran Karyawan FINAS Hulu Kelang. Majlis ini turut diadakan bersempena dengan pengumuman 'Top 5' FFM27 dan pelancaran Ekspo Filem Malaysia di Studio Sound Stage, FINAS. Majlis-majlis ini juga turut dihadiri oleh Menteri KKMM, Timbalan Menteri KKMM, Ketua Setiausaha KKMM, Pegawai-pegawai Kanan KKMM, artis-artis dan penggiat-penggiat industri.



8. Asean Film Screenings 2015 - KL Converge

Tayangan Filem "Asean Film Screening" yang telah diadakan di TGV KLCC dan GSC Pavillion bersempena program KL

Converge 2015 yang telah diadakan selama tiga hari mulai 27 hingga 29 Ogos 2015. Berikut adalah maklumat tayangan serta negara-negara Asean yang terlibat dengan tayangan filem yang telah diadakan:

TARIKH	MASA TAYANGAN	TAJUK FILEM	DIREKTOR	NEGARA
27 Ogos 2015 (KHAMIS) TGV, KLCC	10.00 AM - 12.00 PM	Sayang Disayang	Sanif Olek	Singapore
	12.30 PM - 2.30 PM	Halaw	Sheron	Philippines
	2.30 PM - 4.30 PM	Terbaik Dari Langit	Nik Amir Mustapha	Malaysia
	5.00 PM - 7.00 PM	Vietnam In Love	Anysay Keola	Laos
	7.30 PM - 9.30 PM	The Journey	Chiu Keng Guan	Malaysia
28 Ogos 2015 (JUMAAT) TGV, KLCC	10.00 AM - 12.00 PM	Cuak	Khiril M. Bahot/ Manesh/ Nesaratnam/ Shamaine Othman/ Bengy Lim/ Tiny Pietra Arjuna	Malaysia
	12.30 PM - 2.30 PM	Genghis Khan	Miguel De La Rosa	Philippines
	2.30 PM - 4.30 PM	Lelaki Harapan Dunia	Liew Seng Tat	Malaysia
	5.00 PM - 7.00 PM	Homostratus	Siu Pham	Vietnam
	7.30 PM - 9.30 PM	Soekarno	Hanung Bramantyo	Indonesia
29 Ogos 2015 (SABTU) GSC, PAVILION	10.00 AM - 12.00 PM	Yasmine	Siti Kamaludin	Brunei
	12.30 PM - 2.30 PM	Pee Mak	Banjong Pisathanakum	Thailand
	2.30 PM - 4.30 PM	Sonata	Peque Gallaga Lore Reyes	Philippines
	5.00 PM - 7.00 PM	Cambodian Son	Masahiro Sugano	Cambodia
	7.30 PM - 9.30 PM	Nuwebe	Joseph Israel Laban	Philippines



9. Ekspo Filem Malaysia 2015

Tarikh : 3 & 4 September 2015

Tempat : Dewan 1, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur.

Ekspo Filem Malaysia ini menyediakan bengkel percuma, ceramah, pertunjukan pentas, persembahan, pameran serta pertandingan dan program pencarian bakat. Masuk adalah percuma.



10. Malam Perasmian Festival Filem Malaysia ke 27

Tarikh : 2 September 2015

Tempat : Symphony Lake Suite (KLCC), Kuala Lumpur.

Sebanyak 10 anugerah disampaikan pada malam perasmian sementara 24 anugerah utama pula akan disempurnakan pada malam kemuncak FFM 27 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Anugerah-anugerah pada malam perasmian disampaikan oleh Timbalan Menteri Komunikasi Dan Multimedia, Datuk Johari Jailani dan Ketua Pengarah FINAS, Dato' Kamil Othman. Pengacara malam tersebut adalah Pelakon Along Cham dan Zulin Aziz.

Senarai 10 pemenang pada malam perasmian FFM 27 yang diadakan di Symphony Lake Suite, KLCC:

1. Filem Animasi Cerea Terbaik
Ribbit - KRU International Sdn Bhd.

2. Filem Animasi Bersiri Terbaik
Rimba Racer - Glue Studio Sdn Bhd

3. Kesan Khas Terbaik
Seventh - Mirage Works.

4. Anugerah Pereka Kostum/Busana Terbaik
Elaine Ng & Wing Shum - Hungry Ghost Ritual.

5. Lagu Tema Asal Terbaik
Yuna/ Lautan - Lagenda Budak Setan 3.

6. Penataan Bunyi Terbaik
Winson Poon - Hungry Ghost.

7. Penataan Seni Terbaik
Tunku Mohd Taufek/Tunku Tommy Mansur - Lelaki Harapan Dunia.

8. Filem Pendek Terbaik
Cho We Jun - Salvaj

9. Skor Muzik Asal Terbaik
Oii Su Lyn & Teoh Eng Hooi - Manisnya Cinta Di Cappadocia

10. Penggiat Belakang Tabir
Mariam Ibrahim

11. Malam Anugerah Festival Filem Malaysia ke 27

Tarikh : 5 September 2015

Tempat : Dewan Plenary, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur

Konsep FFM27 adalah '3D Projection Mapping Technology', selain membawa terus konsep filem 'Kenegaraan' dalam bentuk klip dan visual. Penonton akan merasai sendiri kehebatan ini secara terus di pentas dan juga disekeliling mereka. FFM27 disiarkan secara langsung di saluran Astro Ria HD dan Astro Mustika HD.

Senarai pemenang-pemenang FFM27:

Filem Terbaik FFM27
EVERYTHING FILMS SDN. BHD.
(LELAKI HARAPAN DUNIA)

Pengarah Terbaik FFM27
LIEW SENG TAT
(LELAKI HARAPAN DUNIA)

Filem Bukan Bahasa Melayu Terbaik FFM27
ASTRO SHAW SDN. BHD.
(THE JOURNEY)

Pelakon Lelaki Terbaik FFM27
LEE SAI PENG
(THE JOURNEY)

Pelakon Wanita Terbaik FFM27
FAZURA
(MANISNYA CINTA DI CAPPADOCIA)

Anugerah Khas Juri FFM27
ASTRO SHAW & PLAYGROUND PRODUCTION
(TERBAIK DARI LANGIT)

Anugerah Khas Juri FFM27
ASTRO SHAW SDN. BHD.
(AMIR & LOQMAN PERGI KE LAUT)

Anugerah Khas Juri FFM27
ASIA TROPICAL SDN. BHD.
(THE GREAT LION)



Anugerah Karyawan Sepanjang Zaman FFM27
OTHMAN HAFSHAM
(PENGARAH FILEM)

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik FFM27
AMIRUL AFFENDI
(TERBAIK DARI LANGIT)

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik FFM27
NADIYA NISAA
(TERBAIK DARI LANGIT)

Pelakon Harapan Lelaki FFM27
KODI RASHEED
(OPHILIA)

Pelakon Harapan Wanita FFM27
DAWN CHEONG
(CUAK)

Pengarah Harapan FFM27
RAJA MUKHRIZ
(OPHILIA)

Lakon Layar Terbaik FFM27
MAMAT KHALID
(AMIR & LOQMAN PERGI KE LAUT)

Cerita Asal Terbaik FFM27
LIEW SENG TAT
(LELAKI HARAPAN DUNIA)

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik FFM27
RAYKARL ISKANDAR
(LELAKI HARAPAN DUNIA)

Sinematografi Terbaik FFM27
ERIC YEONG
(THE JOURNEY)

Penyunting Terbaik FFM27
ADILAN AZEMI
(DOLLAH SUPERSTAR)

Filem Box Office FFM27
ASTRO SHAW SDN. BHD.
(THE JOURNEY)



12. Malam Apresiasi Artis Sepanjang Zaman

Majlis Malam Apresiasi Artis Sepanjang Zaman telah diadakan di Shah Alam Convention Centre (SACC), Shah Alam Selangor. Majlis ini dianjurkan oleh FINAS bersama Radio Televisyen Malaysia (RTM) dengan sokongan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) yang bertemakan konsep Glamour. Majlis ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia (KKMM) serta beberapa tetamu kehormat yang lain antaranya Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KKMM, YBhg. Datuk Che Azemi Haron, Ketua Pengarah RTM, YBhg. Dato' Hj. Abu Bakar Ab. Rahim serta Setiausaha Bahagian KKMM.

Majlis ini diadakan khusus untuk meraikan seniman dan seniwtati tanahair yang telah banyak berbakti dalam mewarnai industri kreatif negara. Objektif majlis pada kali ini adalah sebagai penghargaan kerajaan melalui Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia (KKMM) kepada Seniman dan Seniwtati dalam menjana pembangunan industri kreatif negara dari dahulu sehingga sekarang. Seramai 83 Seniman dan Seniwtati telah menerima sumbangan wang tunai yang telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha KKMM.

Antara artis yang telah hadir menggambarkan majlis malam tersebut ialah Salamiah Hassan, Hadi Carefree, Rohana Jalil, Killafairy, Hail Amir, Uji Rashid, Dato' Jeffrey Din, Nassier Wahab, Datuk Khatijah Ibrahim, Sofea Ibrahim, Andre Goh dan Zaiton Sameon. Pengacara majlis ini adalah Salih Yaacob dan Hani Hameed.



UNIT PENERBITAN

Unit Penerbitan merupakan unit yang merangka, merancang, menyedia dan mengemaskini aktiviti penerbitan bagi membantu mencapai fungsi yang telah ditetapkan melalui penerbitan yang selari dengan perkembangan industri perfileman bagi fungsi dalam unit penerbitan dalam membantu untuk menyediakan bahan-bahan percetakan seperti brosur, bunting, banner dan poster bagi program-program anjuran FINAS samada dalaman atau luaran serta bahan percetakan rasmi FINAS.

PENERBITAN BUKU

Tahun 2015 memperlihatkan unit penerbitan mengorak langkah yang lebih agresif dalam usaha mempergiatkan jualan dan pendedahan buku-buku terbitan FINAS. Buku-buku yang diterbitkan boleh dikategorikan kepada 5 jenis buku biografi, adaptasi dari filem/sebalik tabir, sejarah perfileman, ilmiah dan dokumentari. Sehingga tahun 2015, unit penerbitan berjaya menerbitkan sebanyak 26 buah buku iaitu:



BIL	JUDUL BUKU
1	Filem Melayu Dari Jalan Ampas Ke Hulu Kelang
2	Tiada Kata Secantik Bahasa
3	Audio Untuk Filem Dan Televisyen
4	Script Writing Ultimate Storytelling
5	Prinsip Filem Dokumentari
6	Bermulanya Filem Melayu
7	1957 Hati Malaya
8	Keberkesanan Graduan Filem Lepasan IPTA/IPTS di Malaysia
9	Pembikinan Filem Impak Maksima
10	Industri Dokumentari di Malaysia
11	Penontonan Filem Cerek di Malaysia
12	Roll Camera Action
13	Keadaan dan Permasalahan Penulis dan Penulisan Skrip
14	Pola Pengamalan Profesionalisme dalam Industri Filem Malaysia
15	Sutradara Kontemporari Malaysia
16	Malaysian Film: The Beginning
17	Legasi Ahmad Nawab Khan
18	Jejak Terbilang
19	Kembara Seorang Seniman Jins Shamsudin
20	Meredah Gelombang Seni Sebuah Memoir Aziz Sattar
21	Nostalgia Filem Melayu Klasik
22	Ahmad Mahmood Bintang di Langit Seni
23	Seniman Merentas Zaman Mustapha Ma'arof
24	Meneroka Keagungan Hikayat Merong Mahawangsa
25	Filem Malaysia 1975-1999

Pameran dan Jualan Buku

Penyertaan pameran adalah bertujuan untuk memperkenalkan buku cetakan FINAS kepada khalayak ramai disamping memupuk minat membaca terhadap buku-buku perfileman. Bagi tahun 2015 sebanyak 9 penyertaan pameran yang berjaya disertai. (Jadual 2)

Bagi jualan buku pada tahun 2015, kutipan agak memberangsangkan dengan jualan sebanyak RM 27,891.30. Sebanyak sembilan pameran berjaya disertai pada tahun 2015.

BIL	PAMERAN
1	Pesta Buku dan Bazaar 28-29 Mac 2015
2	Pesta Buku Selangor SACC Mall 29-8 februari 2015
3	Pesta Buku Borneo 17 -21 September 2015
4	Pesta Buku Islam Antarabangsa Putrajaya
5	Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 24 Apr – 3 Mei 2015

Hasil dari penyertaan ini, Unit Penerbitan dapat membuat rumusan bahawa koleksi-koleksi buku terbitan FINAS amat menggalakkan dan membantu para sarjana serta golongan siswa dan siswazah dalam mendapatkan bahan bacaan mengenai latar belakang perfileman secara keseluruhannya. Jumlah kualan buku yang berjaya dikumpul pada tahun 2015 ialah RM 27,891.30. Jualan buku juga tidak hanya kepada pelanggan yang membeli di booth sepanjang pameran jualan buku. Malahan ada juga pelanggan dan peminat yang membeli secara terus di ibu pejabat FINAS. Pelanggan juga terdiri daripada pembekal buku, mahasiswa, dan mahasiswi, individu orang perseorangan yang membeli buku secara atas talian.



Majalah Sinema Malaysia


FINAS juga telah berjaya menerbitkan majalah rasminya sebanyak tiga edisi sepanjang tahun 2015. Selaras dengan kehendak *key performance index* (KPI) yang menuntut tiga edisi setahun perlu dikeluarkan.


Penerbitan majalah Sinema Malaysia pada tahun 2015 memperlihatkan perkembangan industri dokumentari selaras dengan dasar perfileman negara dalam meningkatkan pembangunan filem dokumentari serta pengaruh filem dan impaknya terhadap masyarakat pada masa kini.

Grafik

Dalam membantu merealisasikan dan menjayakan pelbagai aktiviti dan majlis di FINAS, adalah menjadi tanggungjawab Unit ini bagi menolong bantu menyediakan rekaan-rekaan grafik, merekabentuk dan memberi khidmat nasihat atau pandangan mengenai grafik bagi melengkapkan perjalanan aktiviti dan majlis yang berlangsung.

Pegawai pereka yang bertauliah dan berpengalaman juga sentiasa diberi kursus yang diperlukan bagi pendedahan idea rekaan yang terkini dan mengikut arus semasa yang lebih moden. Selain itu impak dari kursus adalah bagi memantapkan lagi kemahiran rekaan serta mengaplikasikan peralatan perisian maya (*software*) yang terkini. Antara kursus yang telah disertai oleh para pereka unit ini adalah Adobe After Effect and Design Version Cs6 di Sabah. Kursus ini memberi pendedahan kepada pereka dari segi penambahbaik aplikasi maya yang terdapat dalam perisian tersebut.







BAHAGIAN AREA OFFICE

PENGENALAN

Bahagian Area Office berfungsi bagi mengawal selia aktiviti perfileman melalui Pelesenan dan Penguatkuasaan dalam usaha memelihara dan memajukan industri perfileman negara berdasarkan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 – Akta 244 dan perundangan-perundangan kecil di bawahnya.

UNIT PENGUATKUASAAN

Unit Penguatkuasaan telah menjalankan tugas penguatkuasaan, pemeriksaan dan pemantauan berdasarkan kepada KPI (Key Performance Indicator) yang telah ditetapkan dan dipersetujui bersama antara Ibu Pejabat dan pejabat-pejabat Zon dan Cawangan. Tugas penguatkuasaan dibuat berdasarkan kepada aduan yang diterima daripada orang awam dan tindakan segera dilakukan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam KPI aduan iaitu notifikasi kepada aduan dalam tempoh 24 jam dan tindakan terhadap aduan dalam tempoh 72 jam waktu bekerja.

Tugas penguatkuasaan, pemeriksaan dan pemantauan ini dilaksanakan di bawah seliaan Bahagian Area Office. Kawasan seliaan Zon Sentral (Ibu Pejabat) meliputi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan dan Perak Selatan. Zon Selatan meliputi negeri Johor dan Melaka. Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan di bawah seliaan Pejabat Zon Timur, manakala Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak Utara di bawah seliaan Pejabat Zon Utara. Sementara itu, Pejabat Cawangan Sabah meliputi keseluruhan negeri Sabah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan manakala seluruh Bahagian negeri Sarawak di bawah seliaan Pejabat Pelesenan dan Penguatkuasaan Cawangan Sarawak.

PEMERIKSAAN LESEN

Sepanjang tahun 2015 sebanyak 2,075 pemeriksaan telah dilakukan di seluruh negara berbanding 2,905 pada tahun 2014. Pemeriksaan dilakukan bagi memastikan semua penglibat dan pengusaha perfileman di negara ini mematuhi undang-undang serta peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Perbadanan.

Bagi aktiviti pemeriksaan lesen, aktiviti pemameran filem telah mendahului senarai pemeriksaan aktiviti lain iaitu sebanyak 1,101 buah premis, diikuti 948 premis bagi aktiviti pengedaran dan hanya 26 premis bagi aktiviti pengeluaran. Tumpuan aktiviti pengeluaran adalah terhadap aktiviti penggambaran filem, manakala aktiviti pemameran adalah bagi aktiviti pameran filem iaitu karaoke dan pawagam.

Pada keseluruhannya, pemeriksaan yang dijalankan menunjukkan Zon Selatan telah mencatat jumlah pemeriksaan tertinggi iaitu 485 premis diikuti oleh Cawangan Sarawak 469 premis, Zon Sabah 307 premis, Zon Sentral 295 premis, Zon timur 288 premis dan Zon Utara 231 premis (Rujuk Jadual 1).

AMARAN

Sebanyak 868 buah premis telah dikeluarkan surat amaran atas pelbagai kesalahan pada tahun 2014 berbanding 1044 pemeriksaan pada tahun 2014. Sebanyak 481 surat amaran dikeluarkan bagi aktiviti pameran iaitu kebanyakannya bagi aktiviti pemeran karaoke, manakala bagi aktiviti pengedaran pula sebanyak 384 surat amaran telah dikeluarkan dan hanya 3 buah premis diberi amaran bagi aktiviti pengeluaran secara keseluruhan. Negeri yang paling tinggi diberi amaran ialah Sarawak sebanyak 273 premis, manakala 177 premis di Johor dan 90 di Pulau Pinang (Rujuk Jadual 1).

TINDAKAN KES

Sepanjang tahun 2015, 101 buah premis telah diambil tindakan kerana pelbagai kesalahan di bawah Akta 244 dan Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, berbanding 205 kes pada tahun 2014 seperti di Jadual 2 iaitu pengurangan sebanyak 104 kes. Sebanyak 92 premis yang telah diambil tindakan kes adalah melanggar Seksyen 22(1) Akta 244 kerana telah menjalankan aktiviti perfileman tanpa lesen yang sah, manakala 9 kes lagi kerana kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1983 (Pelesenan 1985). Daripada jumlah 205 kes, hanya 12 kes telah dan sedang dihadapkan ke Mahkamah, 40 kes lagi telah dikompaun, manakala 27 kes masih dalam rujukan Timbalan Pendakwaraya (TPR) dan 174 lagi masih dalam siasatan (Rujuk Jadual 2).

Jadual 1: Pecahan Tugas Penguatkuasaan Mengikut Negeri 2015

AKTIVITI NEGERI	LAWATAN				AMARAN				KES					JUMLAH
	P	D	E	J	P	D	E	J	P	D	E	SPP	J	
Johor	3	132	72	207	-	97	80	177	-	18	-	-	18	402
Melaka	2	50	28	80	-	14	7	21	-	2	2	-	4	105
N. Sembilan	1	10	12	23	-	12	17	29	-	-	-	-	0	52
Selangor	9	15	28	52	1	13	11	25	1	1	2	1	5	82
Kuala Lumpur	2	16	21	39	-	6	21	27	-	3	-	7	10	76
Putrajaya	-	2	1	3	-	-	-	0	-	-	-	-	0	3
Perak	-	23	28	51	-	21	25	46	-	1	-	-	1	98
Pahang	2	67	76	145	-	19	30	49	-	13	-	1	14	208
Terengganu	3	21	29	53	1	5	13	19	-	-	-	-	0	72
Kelantan	1	13	1	15	1	5	1	7	-	-	-	-	0	22
Pulau Pinang	-	14	67	81	-	19	71	90	-	13	4	-	17	188
Kedah	-	11	10	21	-	14	17	31	-	6	-	-	6	58
Perlis	-	2	3	5	-	1	2	3	-	-	-	-	0	8
Sabah	-	116	120	236	-	36	35	71	-	5	-	-	5	312
Sarawak	-	72	124	196	-	122	151	273	-	14	7	-	21	490
JUMLAH	23	564	620	1207	3	384	481	868	1	76	15	9	101	2176

Nota:

P: Pengeluaran

D: Pengedaran

E: Pameran

SPP: Sijil Perakuan Penggambaran

Jadual 2: Perbandingan Bilangan Kes dan Status Tahun 2013 dan 2014

Tahun	Bil Kes	Aktiviti Filem				Kesalahan			Status Kes					
		P	D	E	SPP	Melanggar Akta 244 Seksyen 22(1)	Melanggar Peraturan/Syarat-Syarat Lesen	Dakwa	Kompaun	N F A	Rujuk TPR	Dalam Siasatan		
2014	205	2	110	34	59	109	96							
2015	101	1	76	15	9	101	9	14	16	37	12	22		

Nota: P: Pengeluaran

D: Pengedaran

E: Pameran

SPP: Sijil Perakuan Penggambaran

NFA : No Further Action

BILANGAN KES DAN NILAIAN

Daripada 101 kes yang telah diambil tindakan pada tahun 2015, jumlah kes terbanyak adalah di Negeri Sarawak iaitu sebanyak 21 kes diikuti oleh Johor Bahru (18), Pulau Pinang (17), Pahang (14), Kuala Lumpur (10), Kedah (6), Sabah dan Selangor masing-masing (5), Melaka (4) dan Perak (1). Dalam pada itu Negeri Sembilan, Terengganu, Kelantan dan Perlis adalah sifar kes.

Dari segi jumlah nilaians rampasan pula, adalah dianggarkan sebanyak RM290,300.00 pada tahun 2015 berbanding RM361,663.90 pada tahun 2014. Jumlah nilaians terbanyak ialah Kuala Lumpur iaitu RM72,375.00 diikuti negeri Sarawak (RM67,420.00), Johor Bahru (RM54,274.00), Pulau Pinang (RM49,105.00), dan Sabah (RM34,881.00) (Rujuk Jadual 3).

Jadual 3: Perbandingan Bilangan Kes dan Anggaran Nilaian 2014 - 2015

BIL	NEGERI	JUMLAH		ANGGARAN NILAI (RM)	
		2014	2015	2014	2015
1.	Johor	23	18	69,103.00	36,783.00
2.	Melaka	9	4	5,800.00	17,491.00
3.	Negeri Sembilan	1	0	0	0
4.	Selangor	28	5	26,780.00	46,171.00
5.	Kuala Lumpur	37	10	7,550.00	26,204.00
6.	Putrajaya	0	0	0	0
7.	Perak	8	1	40,000.00	1,225.00
8.	Pahang	13	14	42,010.00	12,245.00
9.	Terengganu	0	0	0	0
10.	Kelantan	0	0	0	0
11.	Pulau Pinang	23	17	37,362.10	38,955.00
12.	Kedah	8	6	20,100.00	8,925.00
13.	Perlis	0	0	0	0
14.	Sabah	20	5	5,333.80	34,881.00
15.	Sarawak	35	21	107,625.00	67,420.00
JUMLAH		205	101	361,663.90	290,300.00

PEMANTAUAN SKIM WAJIB TAYANG, SPP, PFA DAN PUSPAL

Skim Wajib Tayang

Sebanyak 211 pemantauan filem di bawah Skim Wajib Tayang telah dilakukan sepanjang tahun 2015 di seluruh negara kecuali negeri Kelantan dan Perlis, kedua-dua negeri ini tidak mempunyai pawagam. Jumlah pemantauan dibuat adalah berdasarkan kepada berapa banyak filem yang ditayangkan dalam satu-satu masa di bawah Skim Wajib Tayang. Sarawak mencatat jumlah pemantauan tertinggi iaitu 56 pemantauan, diikuti Pulau Pinang (30), Sabah (29), Pahang (26), Selangor, Kuala Lumpur, Kedah dan Perak masing-masing (10), Melaka (7), manakala

Terengganu (5) dan Negeri Sembilan (4) pemantauan (Rujuk Jadual 4).

Sijil Perakuan Penggambaran (SPP)

Bagi pemantauan Sijil Perakuan Penggambaran (SPP), sebanyak 27 pemantauan telah dijalankan sepanjang tahun 2015, Selangor dan Sarawak mencatat bilangan pemantauan tertinggi, manakala dua di Pahang dan negeri-negeri lain sifar seperti di Jadual 4.

Pemantauan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA)

Pemantauan ke atas syarikat filem yang mengambil Pekerja Filem Asing (PFA) hanya tiga pemantauan telah dijalankan iaitu satu pemantauan di Selangor, satu di Pahang dan

satu di Sarawak. Permohonan PFA adalah bergantung kepada keperluan oleh pengeluar filem tempatan yang memerlukan tenaga pakar dari luar negara khususnya

dalam bidang teknikal dan pelakon utama sahaja seperti tertera di Jadual 4.

Jadual 4: Pemantauan Skim Wajib Tayang, SPP, PFA dan PUSPAL 2014

BIL	NEGERI	WAJIB TAYANG	*SPP	*PFA	*PUSPAL
1.	Johor	12	-	-	14
2.	Melaka	7	-	-	-
3.	Negeri Sembilan	4	-	-	-
4.	Selangor	10	8	1	20
5.	Kuala Lumpur	10	-	-	12
6.	Putrajaya	2	-	-	-
7.	Perak	10	-	-	-
8.	Pahang	26	2	1	-
9.	Terengganu	5	-	-	-
10.	Kelantan	-	-	-	-
11.	Pulau Pinang	30	-	-	1
12.	Kedah	10	-	-	-
13.	Perlis	-	-	-	-
14.	Sabah	29	-	-	1
15.	Sarawak	56	17	1	-
JUMLAH		211	27	3	48

Nota: SPP: Sijil Perakuan Penggambaran PFA : Pekerja Filem Asing

PUSPAL: Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara

Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL)

Bagi pemantauan PUSPAL pula, sebanyak 48 pemantauan telah dilakukan diseluruh negara di mana Johor mencatat jumlah pemantauan terbanyak iaitu 27 diikuti Selangor dan Kuala Lumpur masing-masing 15 pemantauan. Manakala Perak dan Pulau Pinang (14), Melaka (3) dan Sabah hanya 1 pemantauan dapat dilakukan (Rujuk Jadual 4).

Bagi pemantauan PUSPAL tumpuan hanya khusus bagi aktiviti penggambaran filem oleh syarikat dari luar negara, manakala pemantauan bagi persembahan artis luar negara akan dilakukan oleh Jawatankuasa PUSPAL dan dibantu oleh Pejabat Wilayah.

RAMPASAN FILEM TEMPATAN

Sebanyak 3,027 unit filem tempatan dalam format DVD cetak rompak telah disita sepanjang tahun 2015. Filem tempatan tersebut berada di pasaran selepas ditayang di pawagam di bawah Skim Wajib Tayang. Daripada pemeriksaan juga mendapati kebanyakan filem-filem yang disita adalah dalam bentuk cetak rompak dan sebahagiannya telah dicetak dengan menggunakan komputer terutama yang disita di Johor, Sabah dan Sarawak (Rujuk Jadual 5).

Jadual 5 : Rampasan Filem Tempatan.

BIL	NEGERI	BILANGAN FILEM TEMPATAN
1.	Johor	620
2.	Melaka	257
3.	Negeri Sembilan	-
4.	Selangor	44
5.	Kuala Lumpur	-
6.	Putrajaya	-
7.	Perak	-
8.	Pahang	438
9.	Terengganu	-
10.	Kelantan	-
11.	Pulau Pinang	500
12.	Kedah	282
13.	Perlis	-
14.	Sabah	-
15.	Sarawak	886
JUMLAH		3,027

BAYARAN KOMPAUAN DAN HUKUMAN MAHKAMAH

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 46 kes telah dikompaun atas pelbagai kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1983 (Pindaan) 1985 dengan jumlah kutipan sebanyak RM19,350.00. Sebahagian daripada kes kompaun adalah bagi kes sebelum tahun 2015 (Rujuk Jadual 6).

BIL	NEGERI	BIL KES	BAYARAN KOMPAUN (RM)	BIL KES	HUKUMAN MAHKAMAH (RM)
1.	Johor	8	4,500.00	8	25,300.00
2.	Melaka	1	400.00	2	7,800.00
3.	Negeri Sembilan				
4.	Selangor	16	3,350.00	2	11,000.00
5.	Kuala Lumpur	9	4,950.00	2	10,000.00
6.	Perak			1	2,500.00
7.	Pahang	6	1,650.00		
8.	Terengganu				
9.	Kelantan				
10.	Pulau Pinang	1	500.00	1	8,000.00
11.	Kedah			1	3,000.00
12.	Perlis				
13.	Sabah	4	3,100.00	1	3,000.00
14.	Sarawak	4	900.00	2	7,000.00
JUMLAH		49	19,350.00	17	77,600.00

Sebanyak 17 kes yang dibawa ke Mahkamah dan telah dijatuhkan hukuman denda dengan jumlah sebanyak RM 77,600.00. Kebanyakan kes mahkamah adalah merupakan kes lampau yang telah diselesaikan pada tahun 2014.

UNIT PELESENAN DAN WAJIB TAYANG

PENGELUARAN LESEN AKTIVITI PROFILEMAN 2015

Keseluruhan lesen bagi aktiviti profileman yang telah dikeluarkan pada tahun 2015 sebanyak 6,662 lesen berbanding 7,359 lesen pada tahun 2014. Terdapat penurunan untuk kesemua kategori lesen pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 seperti data berikut:

- (a) Lesen pengeluaran filem (PF) telah menurun sebanyak 5.32% iaitu 1,281 lesen pengeluaran filem (PF) pada tahun 2015 berbanding 2014 - 1,353. Bagi aktiviti pengeluaran video (PV) pula, 32 lesen telah dikeluarkan pada 2015 berbanding 49 lesen pada 2014.
- (b) Pengeluaran lesen pengedaran filem (DF) menunjukkan penurunan sebanyak 4.94% iaitu 1,019 lesen telah dikeluarkan pada tahun 2015 berbanding 1,072 pada tahun 2014. Lesen pengedaran video (DV) juga menunjukkan penurunan sebanyak 15% iaitu 1,916 lesen pengedaran video (DV) dikeluarkan berbanding 2,256 pada tahun 2014.

- (c) Lesen pemameran filem (EF) juga menunjukkan penurunan sebanyak 0.5%. 986 Lesen pemameran filem (EF) dikeluarkan berbanding 991 pada tahun 2014. Lesen pemameran video (EV) pula menunjukkan penurunan sebanyak 12.88% iaitu 1,427 lesen dikeluarkan pada tahun 2015, berbanding 1,638 pada tahun 2014.

Melalui aktiviti pengeluaran lesen, hasil kutipan 2015 berjumlah RM1,547,000.00, menurun sebanyak 10.79% berbanding RM1,734,300.00 pada tahun 2014. Penurunan ini disebabkan oleh pertambahan penamatan lesen bagi aktiviti Pengedaran Video (DV).

Perbandingan Bilangan Lesen Aktiviti Profileman 2014 dan 2015 adalah seperti di Jadual 1 dan Perbandingan Kutipan Hasil Lesen adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 1: Perbandingan Bilangan Pengeluaran Lesen Aktiviti Profileman

KATEGORI LESEN	2014	2015	BEZA	PERATUSAN (%)
Pengeluaran Filem (PF)	1,353	1,281	72	5.32
Pengeluaran Video (PV)	49	32	17	34.6
Pengedaran Filem (DF)	1,072	1,019	53	4.94
Pengedaran Video (DV)	2,256	1,917	339	15
Pemameran Filem (EF)	991	986	5	0.5
Pemameran Video (EV)	1,638	1,427	211	12.88
JUMLAH	7,359	6,662	697	9.47

Jadual 2 : Perbandingan Kutipan Hasil Lesen Aktiviti Pelesenan

KATEGORI LESEN	JUMLAH KUTIPAN (RM)	
	2014	2015
Pengeluaran Filem (PF)	135,300	128,100
Pengeluaran Video (PV)	4,900	3,200
Pengedaran Filem (DF)	428,800	407,600
Pengedaran Video (DV)	902,400	766,800
Pemameran Filem (EF)	99,100	98,600
Pemameran Video (EV)	163,800	142,700
JUMLAH	1,734,300.00	1,547,000.00

PENAMATAN AKTIVITI PROFILEMAN DAN TUNTUTAN BALIK DEPOSIT

Bagi tahun 2015, permohonan bagi menamatkan lesen melalui permohonan tuntutan balik deposit menunjukkan kenaikan sebanyak 10.90% iaitu 244 permohonan diproses berbanding 220 pada tahun 2014. Sebanyak 11 permohonan diterima bagi penamatan lesen pengeluaran filem (PF), 10 permohonan bagi lesen pengedaran

filem (DF), 143 permohonan bagi pengedaran video, 13 permohonan bagi lesen pemameran filem (EF) dan 67 permohonan bagi lesen pemameran video (EV) bagi tahun 2015. Perbandingan penamatan lesen aktiviti profileman 2015 dan 2014 adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3
Perbandingan Bilangan Penamatan Aktiviti Profileman

KATEGORI LESEN	2014	2015	BEZA	PERATUSAN (%)
Pengeluaran Filem (PF)	6	11	5	83.3
Pengeluaran Video (PV)	5	-	5	0
Pengedaran Filem (DF)	1	10	9	1000
Pengedaran Video (DV)	130	143	13	10
Pemameran Filem (EF)	5	13	8	160
Pemameran Video (EV)	73	67	-6	-8.21
JUMLAH	220	244	24	10.90

BAYARAN FILEM

Bayaran Filem tertakluk di bawah Seksyen 24A Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 yang mensyaratkan pemegang lesen pengedaran yang menjalankan aktiviti pengimportan filem perlu mengemukakan akuan pengimportan filem dan membuat bayaran filem mengikut kadar yang telah ditetapkan sebelum membuat edaran.

Pengimportan filem bagi tahun 2015 menunjukkan penurunan besar dengan jumlah 4,343 buah filem telah diimport berbanding 8,233 buah filem pada tahun 2014. Pengimportan filem cereka menunjukkan penurunan yang paling ketara iaitu sebanyak 1,266 buah filem sahaja dibandingkan pada tahun 2014 sebanyak 4,522 buah filem. Jumlah hasil kutipan bayaran filem bagi tahun 2015 juga menurun. Sebanyak RM1,448,738.00 telah dikutip berbanding RM1,533,765.00 pada tahun 2014. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 5.54%.

Perbandingan pengimportan filem ini boleh dirujuk melalui Jadual 4 dan Jadual 5. Manakala perbandingan hasil kutipan ini boleh dilihat melalui Jadual 6.

Jadual 4
Perbandingan Pengimportan Filem Mengikut Jenis Filem

JENIS FILEM	2014	2015
Animasi	333	362
Cereka	4,521	1,266
Dokumentari	217	271
Game Show	0	0
Hiburan	258	213
Iklan	2,105	2,089
Komedи	0	1
Pendidikan	39	0
Promosi	21	14
Realiti TV	4	0
Sukan	544	1
Treler	191	126
JUMLAH	8,233	4,343

Jadual 5
Perbandingan Pengimportan Filem Mengikut Negara

BIL	JENIS FILEM	2014	2015
1	Afrika Selatan	6	1
2	Amerika Syarikat	4,964	899
3	Arab Saudi	0	0
4	Argentina	0	1
5	Australia	123	96
6	Austria	6	0
7	Bangladesh	0	1
8	Belanda	2	3
9	Brazil	2	2
10	Belgium	1	0
11	Britain	51	1
12	Brunei	1	0
13	China	126	48
14	Cuba	0	1
15	Denmark	19	4
16	Dubai	0	12
17	England	124	11
18	Filipina	49	33
19	Hong Kong	375	167
20	Hungary	1	0
21	India	270	416
22	Indonesia	271	186
23	Itali	18	23
24	Iran	4	1
25	Ireland	0	1
26	Iceland	0	5
27	Jepun	534	496
28	Jerman	53	54
29	Kanada	1	8
30	Kemboja	1	1
31	Korea	106	87
32	Korea Selatan	6	89
33	Macau	5	12
34	Mesir	1	0
35	Nepal	5	0
36	New Zealand	1	1
37	Norway	0	5
38	Perancis	22	79

BIL	JENIS FILEM	2014	2015
39	Qatar	0	1
40	Portugal	12	0
41	Poland	0	3
42	Rusia	1	15
43	Sepanyol	2	143
44	Singapura	955	823
45	Sweden	4	19
46	Switzerland	7	6
47	Taiwan	93	60
48	Thailand	266	272
49	Turki	2	5
50	Fiji	2	0
51	United Arab	2	76
52	Pakistan	2	0
53	Vietnam	7	16
54	United Kingdom	0	157
55	Republic Czech	0	1
56	Ukraine	0	2
JUMLAH		8,233	4,343

Jadual 6
Perbandingan Kutipan Hasil Bayaran Filem

BULAN	2014 (RM)	2015 (RM)
Januari	50,812.00	134,055.00
Februari	35,268.00	136,969.00
Mac	70,647.00	141,437.00
April	66,672.00	109,408.00
Mei	123,278.00	144,624.00
Jun	286,649.00	118,709.00
Julai	147,435.00	60,932.00
Ogos	173,984.00	122,879.00
September	105,502.00	102,080.00
Oktober	168,958.00	140,259.00
November	189,474.00	159,095.00
Disember	115,086.00	78,291.00
JUMLAH	1,533,765.00	1,448,738.00

SIJIL AKUAN FILEM IKLAN BUATAN MALAYSIA (MIM)

Sijil Akuan Filem Iklan Buatan Malaysia atau MIM merupakan perakuan yang diperlukan oleh penerbit filem iklan sebelum ia disiarkan oleh badan penyiar. Pengeluaran sijil MIM adalah bagi mematuhi Syarat Tambahan Lesen Pengeluaran Filem.

Pengeluaran sijil MIM bagi tahun 2015 menunjukkan penurunan dimana sebanyak 1,912 sijil telah dikeluarkan kepada penerbit filem iklan berbanding 1,961 pada

tahun 2014. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 2.49%. Penurunan ini adalah disebabkan oleh proses kelulusan bagi permohonan sijil MIM yang semakin ketat.

Kos produksi penerbitan filem iklan tahun 2015 berjumlah RM123,785,339.00. Ia lebih rendah berbanding tahun 2014 yang melibatkan kos produksi sebanyak RM145,788,612.00. Perbandingan ini dapat dilihat pada Jadual 7.

Jadual 7
Perbandingan Pengeluaran Sijil Akuan Filem Iklan Buatan Malaysia (MIM)

BULAN	2014		2015	
	JUMLAH MIM	ANGGARAN KOS PRODUKSI (RM)	JUMLAH MIM	ANGGARAN KOS PRODUKSI (RM)
Januari	131	13,396,088.00	168	10,270,786.00
Februari	80	6,641,130.00	145	10,279,964.00
Mac	161	11,802,163.00	157	20,436,187.00
April	181	13,489,175.00	167	14,966,334.00
Mei	184	17,528,429.00	167	7,988,665.00
Jun	280	13,527,930.00	221	9,294,539.00
Julai	192	13,494,560.00	186	10,357,757.00
Ogos	170	10,874,72.00	125	8,905,332.00
September	172	16,721,795.00	141	7,938,525.00
Oktober	131	6,425,242.00	160	9,322,430.00
November	146	10,946,396.00	136	5,084,650.00
Disember	133	145,788,612.00	139	2,583,460.00
JUMLAH	1,961	145,788,612.00	1,912	123,785,339.00

SIJIL PERAKUAN PENGGAMBARAN FILEM (SPP)

Sijil Perakuan Penggambaran Filem (SPP) merupakan sijil yang dikeluarkan kepada penerbit filem sebelum mulakan sesuatu penggambaran. Sijil ini adalah salah satu syarat dalam Syarat Tambahan Lesen Pengeluaran Filem.

Bagi tahun 2015, sebanyak 782 Sijil Perakuan Penggambaran Filem (SPP) telah dikeluarkan berbanding 928 pada tahun 2014. Kategori filem Program TV adalah yang paling banyak

iaitu 219 sijil dan diikuti kategori Cerek TV sebanyak 196 sijil. Pengeluaran Sijil Perakuan Penggambaran Filem Bagi tahun 2015 mengalami penurunan sebanyak 15.45%.

Bagi anggaran kos produksi pula, syarikat-syarikat penerbit pada tahun 2015 telah membelanjakan sebanyak RM393,376,007 untuk kos produksi berbanding RM369,726,763 pada tahun 2014. Perbandingan ini boleh dirujuk pada Jadual 8.

Jadual 8
Perbandingan Pengeluaran Sijil Perakuan Penggambaran Filem (SPP)

KATEGORI FILEM	2014		2015	
	JUMLAH SPP	ANGGARAN KOS PRODUKSI (RM)	JUMLAH SPP	ANGGARAN KOS PRODUKSI (RM)
Animasi	7	16,342,700.00	4	11,456,319
Cereka Pawagam	97	95,972,119.00	93	97,887,769
Cereka Pendek	24	718,402.00	26	16,714,105
Cereka TV	297	38,333,789.00	196	25,186,477
Cereka VCD	2	914,090.00	5	857,500
Drama TV	166	72,564,420.00	119	53,866,221
Dokumentari	61	11,289,571.00	46	11,776,216
Game Show	14	11,593,004.00	12	5,397,122
Muzikal	23	9,493,452.00	26	16,915,975
Pendidikan	5	1,259,626.00	1	635,000
Program TV	183	86,227,606.00	219	134,492,899
Promosi	3	158,720.00	2	108,000
Realiti TV	19	12,455,234.00	11	4,983,500
Temu bual	19	12,452,430.00	17	7,292,554
Video Korporat	5	439,600.00	5	533,150
JUMLAH	925	369,726,763.00	782	393,376,007

SURAT SOKONGAN KEMASUKAN PEKERJA FILEM ASING (PFA)

PFA atau Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing merupakan satu dokumen yang diperlukan oleh penerbit filem sebelum membawa masuk pekerja filem asing untuk terlibat dalam industri perfileman negara. Permohonan PFA ini memerlukan pertimbangan Jabatan Imigresen Malaysia sebelum dibenarkan untuk bergiat di Malaysia.

Jadual 9 menunjukkan sebanyak 594 surat sokongan pekerja filem asing telah dikeluarkan berbanding sebanyak 580 yang dikeluarkan pada tahun 2014. Khidmat tenaga

pekerja asing yang paling ramai adalah dari China iaitu seramai 193 orang, diikuti India seramai 54 orang dan Singapura seramai 45 orang. Manakala kategori tenaga kerja yang paling ramai di bawa masuk adalah kategori artis, model, pelakon, pengacara, dan pengarah filem serta pengarah fotografi.

Perbandingan pengeluaran surat sokongan kemasukan pekerja filem asing mengikut negeri dan kategori tenaga kerja boleh dilihat pada Jadual 9 dan Jadual 10.

Jadual 9
Perbandingan Pengeluaran Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA)

BIL	NEGARA ASAL	2014	2015
1	Afrika Selatan	1	0
2	Amerika Syarikat	12	21
3	Argentina	1	0
4	Australia	52	39
5	Austria	2	0
6	Bangladesh	16	7
7	Arab Saudi	0	2
8	Belgium	1	0
9	Brazil	2	3
10	Britain	14	25
11	Brunei	2	4
12	China	253	193
13	Croatia	0	1
14	Denmark	1	0
15	Filipina	2	0
16	Finland	2	0
17	Hong Kong	19	36
18	Hungary	0	2
19	India	45	54
20	Indonesia	29	37
21	Iran	0	3
22	Ireland	2	0
23	Iraq	0	1
24	Itali	0	4
25	Jepun	7	10

BIL	NEGARA ASAL	2014	2015
26	Jerman	3	0
27	Kanada	6	20
28	Korea	1	1
29	Mongolia	1	0
30	Myanmar	0	1
31	Netherlands	1	2
32	New Zealand	7	8
33	Nigeria	1	1
34	Nepal	2	0
35	Pakistan	4	0
36	Perancis	5	2
37	Portugal	1	0
38	Russia	2	0
39	Sepanyol	2	0
40	Sri Lanka	1	8
41	Singapura	42	50
42	Sweden	3	3
43	Switzerland	3	0
44	Taiwan	2	3
45	Thailand	27	24
46	Vietnam	1	18
47	Ukraine	1	0
48	Uzbekistan	1	2
JUMLAH		580	594

Jadual 10
Perbandingan Pengeluaran Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA) Bagi Tahun 2014 – 2015

BIL	KATEGORI TENAGA KERJA	2014	2015
1	Pengarah Filem / Penolong Pengarah / Pengarah Kreatif	68	56
2	Pengarah Fotografi / DOP	62	55
3	Pengarah Seni	7	22
4	Penolong Pengarah	9	13
5	Penulis Skrip	1	5
6	Pengurus Produksi / Pereka Produksi/ Penyelaras Produksi	3	13
7	Pegawai Dagang	5	1
8	Artis / Model / Pelakon / Pengacara / Peserta	314	294
9	Ketua Penyunting	2	7
10	Pelakon Lagak Ngeri	15	15
11	Juru Audio/ Penata Bunyi	4	6
12	Jurukamera/Pembantu Jurukamera / Jurugambar/Pengarah Jurugambar	23	25

BIL	KATEGORI TENAGA KERJA	2014	2015
13	Juri / Penolong Juri	7	3
14	Penerbit/Penerbit Eksekutif	6	5
15	Pengarah Juru Cahaya / Juru Cahaya	4	7
16	Steadicam Operator	1	5
17	Pereka Seni / Pereka Animasi	21	10
18	Wardrobe/Hair Stylist/Make Up Artist	20	23
19	Compositor	1	4
20	Wartawan	1	1
21	Penceramah	5	3
22	Head of Broadcasting	1	0
23	Motivator	0	12
24	Helicam Controller	0	3
25	Rigging	0	6
JUMLAH		580	594

Jumlah Hasil Unit Pelesenan 2015

Bagi tahun 2015, jumlah hasil yang telah dikutip adalah sebanyak RM3,226,038 berbanding RM3,510,415 pada tahun 2014 iaitu menunjukkan penurunan sebanyak 8.10%. Penurunan jumlah hasil bagi tahun 2015 adalah disebabkan oleh penurunan pada jumlah pengeluaran lesen dan kesemua hasil kutipan. Jadual 11 menunjukkan secara terperinci jumlah keseluruhan hasil kutipan pelesenan.

Jadual 11
Hasil Unit Pelesenan 2015

BIL	HASIL KUTIPAN	2014	2015
1.	Pengeluaran Lesen Lesen Baru (LB) Hasil Kutipan Jumlah Kutipan Deposit	988 RM211,600 RM1,044,500	869 RM170,300 RM939,500
	Pembaharuan Lesen (PL) Hasil Kutipan	6,371 RM1,522,700	5,793 RM1,376,700
	Jumlah Pengeluaran Lesen (LB + PL) Hasil Kutipan	7,359 RM1,734,300	6,662 RM1,547,000
2.	Bayaran Filem Jumlah Filem Import Hasil Kutipan	8,233 RM1,533,765	4,343 RM1,448,738
3.	Sijil Akuan Filem Iklan Buatan Malaysia (MIM) Bilangan MIM Hasil Kutipan	1,961 RM196,100	1,912 RM191,200
4.	Sijil Perakuan Penggambaran Filem (SPP) Bilangan SPP Hasil Kutipan	925 RM46,250	782 RM39,100
JUMLAH		RM3,510,415	RM3,226,038

SKIM WAJIB TAYANG

Skim Wajib Tayang diwujudkan bertujuan untuk menerima dan mempertimbangkan mana-mana filem tempatan atau filem usaha sama untuk ditayangkan secara wajib di dewan wayang gambar oleh pempamer. Kewajipan pempamer hendaklah menayangkan filem yang diluluskan selama empat belas (14) hari berturut-turut dan di dewan wayang gambar yang terbesar.

Di bawah Skim Wajib Tayang, sebanyak 80 buah filem telah ditayangkan pada tahun 2015 dengan jumlah kutipan kasar sebanyak RM52,800,912.65 (Jadual 1). Jumlah kutipan kasar tersebut telah menurun sebanyak 29.23% berbanding

tahun 2014 sebanyak RM74,611,454.02. Penurunan jumlah kutipan kasar tersebut adalah disebabkan filem-filem kurang mendapat sambutan penonton di pawagam.

Sebanyak 8 buah filem telah mendapat kutipan jualan tiket melebihi RM1juta dengan jumlah RM33,238,730.34. Jumlah filem ini telah menurun sebanyak 65.22% berbanding tahun 2014 sebanyak 23 buah filem telah mendapat kutipan jualan tiket melebihi RM1juta dengan jumlah RM55,917,552.53. Kutipan tiket yang tertinggi iaitu sebanyak RM17.5juta adalah bagi filem cereka berjudul Polis Evo terbitan Astro Shaw Sdn. Bhd (Rujuk Jadual 2).

Berikut disertakan senarai kutipan jualan tiket tertinggi mengikut bahasa seperti di Jadual 3.



Daripada 80 buah filem tersebut 51 filem Bahasa Malaysia, 18 filem Bahasa Mandarin dan 10 filem Bahasa Tamil. Maklumat ringkas perbandingan pada tahun 2015 dengan tahun 2014 adalah seperti berikut:-

INSENTIF TAYANGAN FILEM CEREKA (ITFC)

Kerajaan telah meluluskan Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) supaya penerbit filem terus menghasilkan filem cereka tempatan sebagai tanda sokongan kerajaan terhadap perkembangan industri filem tempatan. Antara syarat-syarat pemberian ITFC ialah filem cereka tempatan yang telah ditayangkan di pawagam dan berdaftar melalui Skim Wajib Tayang pada atau selepas 01 Julai 2011.

Mesyuarat JKA FINAS juga telah meminta beberapa pegawai FINAS untuk turut hadir dan memberi penerangan dalam mesyuarat dan juga meminta dikemukakan rekod

dan dokumen yang berhubung kait dengan laporan Audit yang dibentangkan.

PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN


Sepanjang tahun 2015, Unit Audit Dalam telah berjaya mencapai 24 Sasaran Kerja Tahunan melalui 8 jenis aktiviti / program. Antara aktiviti / program yang telah dijalankan melibatkan aspek seperti berikut:

- i. Pengauditan Pengurusan Kewangan;
- ii. Pengauditan Mengejut;
- iii. Pengauditan Prestasi;
- iv. Pengauditan Khas / Siasatan;
- v. Pengauditan / Pemeriksaan Susulan;
- vi. Pemantauan Perolehan;
- vii. Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA FINAS);
- viii. Penyediaan Laporan Sukuan, Laporan Tahunan serta Rancangan UAD.

Kesemua aktiviti / program yang dijalankan telah mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan juga dipersetujui melalui Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) Bilangan 4 Tahun 2014.

Pencapaian Unit Audit Dalam berdasarkan laporan lengkap yang berjaya disiapkan dan diedarkan terhadap aktiviti pengauditan yang dijalankan sepanjang tahun 2015 seperti di Carta 1.

**CARTA 1:
PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN UNIT AUDIT DALAM BAGI TAHUN 2015**



Laporan Tahunan UAD Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Tahun 2015 antara lain mengandungi tajuk-tajuk berikut:

i. Pengauditan Pengurusan Kewangan

Sepanjang tahun 2015, Unit Audit Dalam telah menjalankan lapan (8) aktiviti pengauditan pengurusan kewangan di FINAS Ibu Pejabat serta di Pejabat FINAS Cawangan / Zon di seluruh negara. Pendekatan Audit bagi menentukan wujudnya kesempurnaan dan keutuhan sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan. Pengurusan kewangan yang lemah akan memberi ruang kepada isu negatif seperti penyelewengan, pemborosan dan pembaziran. Antara aspek pengauditan meliputi Kawalan Pengurusan, Kawalan Hasil Dan Terimaan, Kawalan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Pinjaman serta Kawalan Aset Dan Stor.

ii. Pengauditan Mengejut

Pengauditan mengejut merupakan satu pendekatan Audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Audit. Pengauditan mengejut dijalankan untuk menentukan sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga di bawah jagaan / seliaan pegawai yang diberikan tanggungjawab diuruskan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat. Sepanjang tahun 2015, Unit Audit Dalam telah menjalankan pemeriksaan mengejut di dua (2) Pejabat FINAS Cawangan / Zon yang meliputi Zon Timur serta Cawangan Sarawak. Ia bertujuan untuk memastikan Pejabat FINAS Cawangan / Zon diuruskan dengan kemas kini mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

iii. Pengauditan Prestasi

Pengauditan Prestasi dijalankan untuk menentukan sama ada sesuatu sumber, operasi atau aktiviti / program telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif atau matlamat yang telah ditetapkan. Antara pengauditan prestasi yang dijalankan bagi tahun 2015 iaitu Pengauditan Pengurusan Peralatan Dan Kemudahan Fasiliti Perfileman Tahun serta Pengauditan Pengurusan Sumber Manusia.

iv. Pengauditan Khas / Siasatan

Pengauditan Khas / Siasatan dijalankan bagi menentukan sama ada isu yang dibangkitkan oleh pihak tertentu sama

ada berdasar atau sebaliknya untuk dilaporkan kepada pihak pengurusan. Pengauditan adalah berdasarkan arahan pengurusan atasaran terhadap masalah atau aduan daripada orang awam, media atau e-mel terhadap Jabatan/ Agensi melibatkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Pengauditan yang dijalankan juga akan mengenal pasti dan mencadangkan penambahbaikan terhadap sesuatu masalah spesifik dalam skop pengauditan kewangan dan prestasi dari masa ke masa. Pada tahun 2015 pihak Audit telah menjalankan pengauditan khas terhadap Pengurusan Penstruktur Perjawatan Penggabungan FINAS Dengan Jabatan Filem Negara Malaysia (FNM).

v. Pengauditan / Pemeriksaan Susulan

Pengauditan Prestasi dijalankan untuk memastikan perkara-perkara yang telah dipersekutui untuk diambil tindakan pembetulan telah dilakukan oleh pihak pengurusan yang diaudit (Auditee) seperti mana yang telah dinyatakan dalam laporan Audit asal. Sepanjang tahun 2015, pihak Audit telah menjalankan dua (2) pemeriksaan susulan terhadap Pengurusan Panjar Wang Runcit serta Pengurusan Kenderaan FINAS.

vi. Pemantauan Perolehan

Bagi memastikan proses perolehan yang dijalankan di FINAS adalah mengikut peraturan dan prosedur Kerajaan yang telah ditetapkan, pihak Unit Audit Dalam telah mengambil inisiatif dengan menjalankan pemantauan secara rawak terhadap beberapa proses perolehan yang melibatkan perolehan secara sebut harga dan tender sepanjang tahun 2015.

PENGAUDITAN OLEH JABATAN AUDIT NEGARA

Pada tahun 2015, pihak dari Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan di FINAS dan juga di Pejabat FINAS Cawangan Sarawak seperti berikut:

- i. Pengurusan Dana Bawah Bidang Ekonomi Utama Negara
 - Kandungan Dan Infrastruktur Komunikasi Projek Permulaan 1
 - Memupuk Kandungan Kreatif Malaysia;
- ii. Pengauditan Mengejut di Pejabat FINAS Cawangan Sarawak;
- iii. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Tahun 2015.

RUMUSAN


UAD Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah mengemukakan syor-syor serta pandangan dalam menangani perkara-perkara yang dilaporkan. Selain itu, isu yang ditemui telah dilaporkan dan dikemukakan kepada Ketua Pengarah dan beberapa laporan telah dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Audit FINAS untuk diambil tindakan sewajarnya oleh Bahagian / Unit yang terlibat.



Aktiviti Pemantauan Proses Perolehan
Lokasi: Ibu Pejabat FINAS
Tarikh: 18 Mac 2015



Aktiviti Pengauditan Pengurusan Prestasi
Lokasi: FINAS Zon Utara
Tarikh: 15 Mei 2015



Aktiviti Pengauditan Susulan Panjar Wang Runcit
Lokasi: Unit Pentadbiran & Studio Digital Mix Stage, Ibu Pejabat FINAS
Tarikh: 5 Februari 2015



Mesyuarat Exit Conference
Lokasi: FINAS Cawangan Sarawak
Tarikh: 27 Mei 2015



Aktiviti Lawatan Dari Pihak Jabatan Audit Negara
Lokasi: Skop Production Sdn Bhd
Tarikh: 11 Mei 2015



Aktiviti Pengauditan Pengurusan Prestasi
Lokasi: FINAS Zon Selatan
Tarikh: 9 September 2015



Pemeriksaan Fizikal Peralatan Dan Kemudahan Fasiliti Perfileman
Lokasi: FINAS Cawangan Petaling Jaya
Tarikh: 24 Jun 2015







UNIT INTEGRITI

LATAR BELAKANG

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 iaitu Penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam bertujuan memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan untuk menubuhkan Unit Integriti sebagai focal point kepada pengurusan isu-isu berkaitan patriotisme di semua agensi awam.

Kerajaan telah bersetuju mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotism. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta perlanggaran tata kelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Berikut itu, waran perjawatan Unit Integriti FINAS telah diluluskan pada 13 April 2015 dan mula beroperasi pada tahun tersebut.

VISI

Membudayakan nilai-nilai integriti dalam kalangan warga FINAS.

MISI

Unit Integriti sebagai focal point dalam menguruskan isu-isu integriti di FINAS.

OBJEKTIF

- Memastikan warga FINAS mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotism;
- Membendung salah laku jenayah serta perlanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan warga FINAS.



Pegawai Tadbir

Penolong Pegawai Tadbir

Pembantu Tadbir

FUNGSI TERAS

1. PENGURUSAN ADUAN

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;

2. PENGESANAN DAN PENGESAHAAN

Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan

Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;

3. TATATERTIB

Melaksanakan fungsi keurusetiaan Lembaga Tatatertib;

4. PENGUKUHAN INTEGRITI

Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;

5. PEMATUHAN

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan

6. TADBIR URUS

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.

PERJAWATAN

Kedudukan perjawatan Unit Integriti sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

Gred	Bilangan Jawatan		
	Lulus	Isi	Kosong
N41	1	1	-
N27	1	1	-
N17	1	-	1

SASARAN KERJA TAHUNAN

Sepanjang 2015, Unit Integriti telah menjalankan lima aktiviti/program bagi mencapai sasaran kerja tahunan seperti berikut:

- Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib
- Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)
- Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
- Penubuhan Jawatankuasa Siasatan
- Program Pemantapan Integriti

Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib

Jawatankuasa Tatatertib mempunyai bidang kuasa atas semua perkara yang berhubungan dengan kelakuan dan tatatertib penjawat-penjawat FINAS mengikut kategori yang telah ditetapkan berpandukan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 [Akta 605]. Jawatankuasa Tatatertib terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang wakil Kementerian dan dua orang Ahli Perbadanan FINAS mengikut kategori yang telah ditetapkan. Jawatankuasa Tatatertib bersidang pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib sekiranya terdapat kes yang berbangkit.

Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Mac 2014 telah bersetuju supaya usaha pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan terus dipertingkatkan melalui penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) bagi menggantikan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU). Penubuhan JITU dikeluarkan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 menggantikan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009. Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) bersidang tiga kali setahun bagi mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi dan menambahbaik sistem tadbir urus organisasi.

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan


Majlis Bersama Jabatan (MBJ) ialah sebuah medium dua hala, di mana Pihak Pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan Pihak Pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang bernes demi kepentingan dan kebaikan organisasi. Majlis Bersama Jabatan (MBJ) bersidang sebanyak empat kali setahun mengikut sukuan bagi membincangkan kepentingan pekerja-pekerja dalam sebuah organisasi. Di samping bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pekerja, ia juga boleh dijadikan sebagai satu forum perbincangan di antara pihak pengurusan dan pekerja. MBJ yang aktif secara tidak langsung akan dapat menyemai semangat bekerja di kalangan pekerja untuk berkhidmat dengan lebih dedikasi dan produktif.

Penubuhan Jawatankuasa Siasatan

Jawatankuasa Siasatan ditubuhkan bagi mengkaji dan mengenalpasti laporan dan aduan yang diterima untuk menentukan sama ada kebenaran tersebut menyokong perlakuan yang dilakukan oleh tertuduh atau sebaliknya. Jawatankuasa Siasatan menjalankan tugas dengan lebih terperinci ke atas sesuatu laporan bagi mencari dan menegakkan kebenaran untuk membuktikan dan mengesyorkan hasil siasatan kepada Jawatankuasa Tatatertib.

Program Pemantapan Integriti

Unit Integriti telah melaksanakan strategi Pemantapan Integriti bagi memastikan warga FINAS sentiasa dititikberatkan dengan pemahaman dan kesedaran berkenaan dengan nilai-nilai murni dan integriti. Program ini meliputi tiga strategi iaitu pembudayaan, pengukuhan dan penguatkuasaan yang meliputi langkah-langkah seperti hebahan poster dan memo integriti, lawatan kerja ke agensi terpilih, pemantauan laporan kedatangan dan naziran tatatertib. Usaha ini akan diteruskan dan ditambahbaik setiap tahun bagi melahirkan warga FINAS yang beramanah dan bertanggunjawab sebagai penjawat Kerajaan.





PENYATA KEWANGAN FINAS 2015

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM
NASIONAL MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Ahli Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981. Ahli Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai aman dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi

bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalam entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persempahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit.

Asas Kepada Pendapat Bertentangan

i. **Pendahuluan dan Pinjaman - RM3,780,666**

Merujuk Nota 5, baki Pendahuluan dan Pinjaman pada 31 Disember 2015 tidak dapat disahkan kerana terdapat amaun yang berbaki debit dan berbaki kredit serta rekod tidak dikemas kini. Selain itu, penerima pendahuluan dan peminjam pinjaman komputer berjumlah RM638,942 dalam akaun Pendahuluan Diri/Pelbagai dan Pinjaman Komputer tidak dapat dikenal pasti.

ii. **Penghutang Perniagaan - RM907,921**

Merujuk Nota 6, baki Penghutang Perniagaan pada 31 Disember 2015 tidak dapat disahkan kerana terdapat amaun Penghutang Perniagaan yang berbaki debit dan berbaki kredit serta rekod tidak dikemas kini. Selain itu, Penghutang Perniagaan berjumlah RM143,342 tidak dapat dikenal pasti.

iii. **Penghutang Pelbagai - RM3,766,058**

Merujuk Nota 7, baki Penghutang Pelbagai pada 31 Disember 2015 tidak dapat disahkan kerana terdapat amaun Penghutang Pelbagai yang berbaki debit dan berbaki kredit serta rekod tidak dikemas kini. Selain itu, terdapat keraguan material terhadap 4 akaun Penghutang Pelbagai berjumlah RM228,908 yang tidak dapat dikenal pasti penghutangnya.

iv. **Wang di Tangan dan di Bank - RM29,224,802**

Merujuk Nota 9, baki Wang di Tangan pada 31 Disember 2015 berjumlah RM200,458 tidak dapat disahkan kerana sejumlah RM186,107 tidak dapat dikesan dan tiada rekod diselenggara. Selain itu, baki 5 akaun Wang di Tangan berjumlah RM4,359 berbeza dengan Surat Pengesahan yang diterima dan Surat Pengesahan bagi 6 akaun Wang di Tangan berjumlah RMM5,273 tidak diterima.

v. **Pembiutang Pelbagai - RM35,071,093**


Merujuk Nota 10, baki Pembiutang Pelbagai pada 31 Disember 2015 tidak dapat disahkan kerana terdapat amaun Pembiutang Pelbagai berbaki debit dan berbaki kredit serta rekod tidak dikemas kini. Selain itu, terdapat keraguan material terhadap Pembiutang Pelbagai berjumlah RM29,147,056 yang tidak dapat dikenal pasti pembiutangnya.

vi. **Deposit Filem - RM18,128,400**

Merujuk Nota 11, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah sebenar amaun Deposit Filem yang dinyatakan disebabkan terdapat amaun Deposit Filem berbaki debit dan berbaki kredit serta rekod tidak dikemas kini. Selain itu, terdapat keraguan material ke atas kesaksamaan baki Deposit Filem berjumlah RM17,810,500 kerana tidak dapat dikenal pasti pendepositnya.

Pendapat Bertentangan

Pada pendapat saya, disebabkan oleh perkara yang signifikan seperti yang dinyatakan dalam perenggan Asas Kepada Pendapat Bertentangan, penyata kewangan ini tidak memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.



(TAN SRI HJ. AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA



PUTRAJAYA
26 SEPTEMBER 2016

**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI PERBADANAN**

Kami, **DATUK MOHD KHUSAIRI ABDUL TALIB** dan **ZHRIN BIN ARIS** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli **PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbang, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA** pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Perbadanan



**DATUK MOHD KHUSAIRI
ABDUL TALIB**
Pengerusi
20 SEP 2016
Kuala Lumpur



ZHRIN BIN ARIS
Ahli
20 SEP 2016
Kuala Lumpur

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA


**PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

Saya , **DATO' KAMIL AHMAD BIN MOHD OTHMAN**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Wang Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenar dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di W.P Kuala Lumpur)
pada 20 SEP 2016


**DATO' KAMIL AHMAD BIN
MOHD OTHMAN
550625-08-5689**

Dihadapan saya,



**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2015**

	Nota	2015 RM	2014 RM
ASET TETAP			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	41,911,194	54,097,779
		41,911,194	54,097,779
ASET SEMASA			
Pendahuluan dan Pinjaman	5	3,780,666	5,007,681
Penghutang Perniagaan	6	907,921	718,590
Penghutang Pelbagai	7	3,766,058	2,954,806
Deposit dan Prabayar		127,671	97,771
Simpanan Tetap	8	239,430,511	60,703,923
Wang di Tangan dan di Bank	9	29,224,802	149,811,966
		277,237,629	219,294,737
LIABILITI SEMASA			
Pembiutang Pelbagai	10	35,071,093	39,297,609
		35,071,093	39,297,609
ASET SEMASA BERSIH			
		242,166,536	179,997,128
		284,077,730	234,094,907
DIBIAYAI OLEH:			
Ekuiti Terkumpul		63,664,628	60,631,976
Ekuiti-Ekuiti Lain		202,284,702	154,463,931
		265,949,330	215,095,907
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Deposit Filem	11	18,128,400	18,999,000
		284,077,730	234,094,907

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

PENDAPATAN	Nota	2015	2014
		RM	RM
Sumbangan Kerajaan	12	45,212,800	45,906,244
Lesen dan Bayaran Filem	13	3,199,463	3,489,230
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan		530,862	402,501
Sewaan		1,128,331	977,872
Faedah		3,755,352	5,743,665
Pelunasan Kumpulanwang	14	13,932,396	19,875,950
Lain-lain Pendapatan	15	1,797,941	2,203,769
JUMLAH PENDAPATAN		<u>69,557,145</u>	<u>78,599,231</u>
Tolak: PERBELANJAAN			
Emolumen	16	17,958,364	16,067,440
Perkhidmatan dan Bekalan	17	29,894,120	28,131,840
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	18	3,799,734	9,640,380
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	19	1,721,118	257,706
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	4	13,127,089	13,076,126
JUMLAH PERBELANJAAN		<u>66,500,425</u>	<u>67,173,492</u>
LEBIHAN PENDAPATAN		<u>3,056,720</u>	<u>11,425,739</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Ekuiti	Terkumpul RM	Prijamuan Kenderaan RM	Prijamuan Komputer RM	Tabung Khas RM	Pembangunan RM	Kemudahan Produksi RM	Dana Dudi Hiburan Film RM	Dana Dokumenari RM	Dana Kesarahan RM	Dana Amanah Filem RM	Dana Akhlasi RM	Dana NKEA RM	Dana DKN RM	Dana CILL RM	Dana DKO RM	Jumlah RM	
Pada 01 Januari 2015	60,651,977	600,000	100,000	207,118	16,841,150	3,000,000	4,858,460	4,428,170	2,498,285	2,260,428	108,737,812	10,439,917	-	-	-	215,995,908	
Tambahan Pengurangan	-	-	-	-	(12,047,285)	-	(1,863,485)	689,488 (2,334,632)	-	-	55,800,000 (46,455,736)	5,543,495 (2,717,042)	(2,717,042) 8,753	-	-	117,832,983 (4,801,996)	
Pelarasan lain-lain	(24,069)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	41,813	-	-	-	-	(70,222,675)	
Pindahan delapan	-	-	-	-	-	-	-	2,260,428	-	-	(2,260,428)	-	-	-	-	186,994	
Lebihan/(kurangan) tahun semasa	3,056,720	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
Pada 31 Disember 2015	63,664,628	600,000	100,000	207,118	4,793,885	3,000,000	2,994,375	1,047,875	2,498,285	4,428,170	-	118,183,889	-	-	-	-	3,056,720
												7,731,628	5,540,976	5,540,976	5,540,976	51,157,901	265,949,330
Pada 01 Januari 2014	55,370,700	600,000	100,000	207,118	28,883,084	3,000,000	1,198,231	837,772	7,625,613	4,521,625	2,260,928	62,404,803	21,278,959	-	-	-	188,288,633
Tambahan Pelunasan	-	-	-	-	(12,041,934)	-	11,481,768 (7,621,539)	5,000,000 (5,405,181)	290,939 (3,488,382)	808,445 (2,831,785)	-	87,990,422 (12,477)	100,000 (41,584,936)	-	-	-	105,671,674 (19,875,550)
Pelarasan	(6,164,461)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(500)	-	(10,939,042)	-	-	-	(6,249,826)
Lebihan/(kurangan) tahun semasa	11,425,738	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(6,164,461)	
Pada 31 Disember 2014	60,631,977	600,000	100,000	207,118	16,841,150	3,000,000	4,858,460	4,428,170	2,498,285	4,428,170	-	10,439,917	-	-	-	-	11,425,738
Nota:																	215,095,908

Dana NKEA : Dana National Key Economic Area
 Dana DKN : Dana Dana Industri Kreatif Negara
 Dana CILL : Dana Creative Industry Lifelong Learning

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI	Nota	2015 RM	2014 RM
Lebihan pendapatan tahun semasa		3,056,720	11,425,739
Pelarasan atas:			
Pelarasan ke atas ekuiti dana		186,394	(6,164,463)
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan		13,127,089	13,076,126
Pelarasan atas harta tanah, loji dan peralatan		-	(3,153)
Kerugian atas pelupusan harta tanah, loji dan peralatan		-	8,583
Deposit dilucutkan		(1,358,500)	-
Pelunasan kumpulan wang		<u>(13,932,396)</u>	<u>(19,875,950)</u>
Lebihan/(Kurangan) pendapatan sebelum perubahan modal kerja		1,079,307	(1,533,118)
Peningkatan dalam pendahuluan dan pinjaman		1,227,015	749,443
(Pengurangan)/peningkatan dalam penghutang perniagaan		(189,331)	234,554
(Pengurangan)/peningkatan dalam penghutang pelbagai		(811,252)	22,624,702
Pengurangan dalam deposit dan prabayar		(29,900)	-
Pengurangan dalam pembiayaan pelbagai		(4,226,516)	(5,184,483)
Peningkatan dalam deposit filem		487,900	565,500
Aliran tunai (digunakan dalam)/daripada aktiviti operasi		(2,462,777)	17,456,598
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan		(940,504)	(2,098,915)
Terimaan daripada pelupusan aset tetap		-	46,637
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(940,504)	(2,052,278)
ALIRAN BERSIH DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Sumbangan kerajaan		117,832,983	105,671,574
Bayaran tunai kepada penerima dana		<u>(56,290,279)</u>	<u>(64,249,826)</u>
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti pembiayaan		61,542,704	41,421,748
PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI			
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		58,139,424	56,826,068
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN		210,515,889	153,689,821
ANALISA TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI			
Simpanan tetap	8	239,430,511	60,703,923
Wang di Tangan dan di Bank	9	<u>29,224,802</u>	<u>149,811,966</u>
		<u>268,655,313</u>	<u>210,515,889</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

1. MAKLUMAT PERBADANAN

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) adalah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan dibawah Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244). Akta tersebut telah dipinda pada tahun 2013 (Akta A1451) selaras penggabungan FINAS dengan Jabatan Filem Negara Malaysia.

Tujuan Penubuhan FINAS adalah untuk menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan profileman. Pejabat FINAS terletak di Kompleks Studio Merdeka, Lot 1662, Batu 8, Jalan Hulu Kelang, Selangor.

2. ASAS PERAKAUNAN

Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (PERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

3. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

3.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan adalah dicatat pada kos atau pernilaian setelah ditolak daripada susutnilainya dan kerugian penurunan nilai terkumpul, jika ada, kecuali tanah pemegang bebas dan bangunan.

Susut Nilai

Aset tetap disusutnilaikan atas dasar garis lurus dengan kadar tahunan bagi menghapuskan kos di sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut. Kadar susutnilai tahunan digunakan seperti berikut:

Tanah Pegang Pajak	%
Bangunan	2
Alat Profileman	10
Pelbagai Harta	10
Kenderaan Bermotor	20
Kelengkapan Pejabat	10
Perabot dan Lengkap	10
Komputer	20

3.2 Kemerosotan aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh Lembaran Imbangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda kemerosotan. Jika wujud tanda demikian, nilai aset dijangka dapat diperoleh dianggarkan. Nilai dijangka dapat diperoleh merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berdasarkan aliran tunai yang dijangka didiskaun.

Kerugian kemerosotan dicajkan terus kepada Penyata Pendapatan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam nilai dijangka dapat diperoleh diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian kemerosotan terdahulu dan diiktirafkan setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susut nilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktirafkan

3.3 Penghutang dan Peruntukan Hutang Ragu

Penghutang diukur pada nilai realisasi diantisipasi. Hutang Lapuk dihapuskira dalam tempoh ia dikenal pasti. Satu anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan kepada semakan semula semua jumlah tertunggak pada tarikh Lembaran Imbangan.

Peruntukan tertentu dibuat untuk hutang ragu dan hutang lapuk berdasarkan penilaian pengurusan ke atas pelbagai penghutang di mana kutipan balik diragui atau amat tipis.

3.4 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan dan di bank serta pelaburan simpanan tetap berkecairan tinggi yang sedia untuk ditukarkan kepada jumlah tunai dan mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

3.5 Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos merupakan pertimbangan akan dibayar pada masa hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

3.6 Hasil/Pendapatan

Pendapatan sewaan alat diiktiraf berdasarkan akruan sesuai dengan substansi perjanjian. Pendapatan lesen filem dan bayaran filem serta kompaun diiktiraf atas dasar ketika diterima.

3.7 Manfaat Anggota

Upahan, gaji dan bonus telah diakrukan sebagai perbelanjaan bagi tahun di mana perkhidmatan telah disempurnakan anggota.

Gantirugi ketidakhadiran terkumpul jangka pendek diiktiraf apabila perkhidmatan telah disempurnakan anggota dengan meningkatkan kelayakan mereka terhadap gantirugi kehadiran ke masa hadapan tertakluk kepada maksimum 120 hari. Manakala, gantirugi ketidakhadiran jangka pendek terkumpul diiktiraf apabila ianya berlaku.

Caruman Wajib dibawah undang-undang diiktiraf sebagai perbelanjaan bagi anggota yang tidak memilih Skim Pencen Kerajaan. Caruman dibuat kepada Kumpulanwang Amanah Pencen diiktiraf sebagai perbelanjaan bagi anggota yang memilih Skim Pencen Kerajaan. Bahagian Pencen yang berkenaan akan mentadbir dan mengurus perihal pencen anggota.

3.8 Pemberian Kerajaan

Pemberian kerajaan yang diterima untuk belanja mengurus diambil kira sebagai pendapatan manakala pemberian kerajaan untuk tujuan tertentu diambil kira sebagai dana mengikut maksud.

3.9 Instrumen Kewangan

Objektif pengurusan risiko kewangan adalah bertujuan memastikan perbadanan menerbitkan nilai dan memaksimumkan ganjaran. Polisi pengurusan risiko kewangan perbadanan bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar. Perbadanan membiayai operasi-operasinya dengan dana dalaman dan pemberian kerajaan dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank. Perbadanan tidak melabur di dalam saham disebut harga dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pasaran akibat risiko turun naik instrumen kewangan berikutan perubahan harga pasaran.

i) Risiko kredit

Risiko kredit dikawal dengan had kredit dan prosedur memantau yang berterusan.

ii) Risiko mudah tunai

Perbadanan mengamalkan pengurusan mudah tunai yang hemat untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan persamaan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

iii) Nilai saksama

Nilai dibawa tunai dan persamaan tunai, penghutang dan pemutang menghampiri nilai saksama kerana sifat instrumen kewangan yang jangka pendek.

3.10 Pengecualian Cukai

Perbadanan telah diberi status pengecualian cukai pendapatan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.4) 2003 dan (No.22) 2006.

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kos	Tanah RM	Bangunan RM	Alat Perliferman RM	Pelbagai Harta RM	Kenderaan Bermotor RM	Kelengkapan Pejabat RM	Perabot dan Lengkapkan RM	Komputer RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2015	1,753,432	44,239,114	98,160,831	99,834	2,137,951	1,520,318	2,967,067	3,326,093	154,204,640
Tambahan	-	-	51,004	-	291,158	267,058	1,400	329,884	940,504
Pada 31 Disember 2015	1,753,432	44,239,114	98,211,835	99,834	2,429,109	1,787,376	2,968,467	3,655,977	155,145,144

Susut Nilai Terkumpul

Pada 1 Januari 2015	503,460	9,003,758	83,781,260	99,820	1,515,858	774,445	1,877,961	2,550,299	100,106,861
Tambahan	16,782	786,809	11,243,674	-	289,064	158,834	201,440	430,486	13,127,089
Pada 31 Disember 2015	520,242	9,790,567	95,024,934	99,820	1,804,922	933,279	2,079,401	2,980,785	113,233,950

Nilai Bersih

Kos	Tanah RM	Bangunan RM	Alat Perliferman RM	Pelbagai Harta RM	Kenderaan Bermotor RM	Kelengkapan Pejabat RM	Perabot dan Lengkapkan RM	Komputer RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2014	1,753,432	44,239,114	97,334,800	99,834	1,953,245	1,149,787	2,900,550	2,919,214	152,349,976
Pelarasan	-	-	-	-	-	17,556	(17,556)	-	-
Baki Awal Terlaras	1,753,432	44,239,114	97,334,800	99,834	1,953,245	1,167,343	2,882,994	2,919,214	152,349,976
Pelarasan	-	-	578	-	18	213	2,263	81	3,153
Tambahan	-	-	825,453	-	432,092	352,762	81,810	406,798	2,098,915
Pelupusan	-	-	-	-	(247,404)	-	-	-	(247,404)
Pada 31 Disember 2014	1,753,432	44,239,114	98,160,831	99,834	2,137,951	1,520,318	2,967,067	3,326,093	154,204,640

Susut Nilai Terkumpul

Pada 1 Januari 2014	486,678	8,238,290	72,521,577	99,820	1,417,320	640,162	1,674,004	2,145,068	87,222,919
Tambahan	16,782	786,468	11,259,683	-	290,722	134,283	203,957	405,231	13,076,126
Pelupusan	-	-	-	-	(92,184)	-	-	-	(192,184)
Pada 31 Disember 2014	503,460	9,003,758	83,781,260	99,820	1,515,858	774,445	1,877,961	2,550,299	100,106,861

Nilai Bersih

Pada 31 Disember 2014	1,249,972	35,235,356	14,379,571	14	622,093	745,873	1,089,106	775,794	54,097,779
-----------------------	-----------	------------	------------	----	---------	---------	-----------	---------	------------

Jumlah hartanah, loji dan peralatan pada 31 Disember 2014 telah mengambil kira aset-aset Jabatan Filem Negara Malaysia yang telah bergabung dengan FINAS pada 1 Januari 2013.

5. PENDAHULUAN DAN PINJAMAN

	2015 RM	2014 RM
Pendahuluan Diri/Pelbagai	3,083,983	4,365,129
Penghutang Pinjaman Kenderaan	364,332	341,342
Penghutang Pinjaman Komputer	332,351	301,210
	<u><u>3,780,666</u></u>	<u><u>5,007,681</u></u>

6. PENGHUTANG PERNIAGAAN

	2015 RM	2014 RM
Penghutang Perniagaan	<u><u>907,921</u></u>	<u><u>718,590</u></u>

7. PENGHUTANG PELBAGAI

	2015 RM	2014 RM
Penghutang Pelbagai	3,591,141	2,779,889
Faedah Terakru	174,917	174,917
	<u><u>3,766,058</u></u>	<u><u>2,954,806</u></u>

8. SIMPANAN TETAP

	2015 RM	2014 RM
Bank Berlesen	198,000,000	20,000,000
Pertubuhan Bangunan	41,430,511	40,703,923
	<u><u>239,430,511</u></u>	<u><u>60,703,923</u></u>

Kadar faedah efektif bagi simpanan tetap adalah di antara 4.10% hingga 4.65% (2014: 3.60% hingga 4.08%) setahun. Tempoh matang simpanan tetap adalah di antara 6 hingga 12 bulan (2014: 6 hingga 12 bulan).

9. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

	2015 RM	2014 RM
Wang di Tangan	200,458	243,235
Wang di Bank	29,024,344	149,568,731
	<u><u>29,224,802</u></u>	<u><u>149,811,966</u></u>

10. PEMIUTANG PELBAGAI

	2015 RM	2014 RM
Pemiutang Pelbagai	<u><u>35,071,093</u></u>	<u><u>39,297,609</u></u>

11. DEPOSIT FILEM

Deposit filem yang diterima/ yang dikembalikan atau dilucutahak mengikut aktiviti-aktiviti adalah seperti di bawah Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Perlesenan) 1983.

AKTIVITI	Pengeluaran	Pengedaran	Pameran	Jumlah	Jumlah
	Filem RM	Filem RM	Filem RM	2015 RM	2014 RM
Pada 1 Januari					
Deposit diterima	3,214,750 199,000	11,659,250 368,900	4,125,000 427,000	18,999,000 994,900	18,433,500 1,019,000
Deposit dikembalikan	3,413,750 (22,000)	12,028,150 (382,000)	4,552,000 (103,000)	19,993,900 (507,000)	19,452,500 (453,500)
Deposit dilucutahak	3,391,750 (65,000)	11,646,150 (1,237,500)	4,449,000 (56,000)	19,486,900 (1,358,500)	18,999,000 -
Pada 31 Disember	3,326,750	10,408,650	4,393,000	18,128,400	18,999,000

Pecahan pergerakan deposit filem seperti berikut:

	Pengeluaran	Pengedaran	Pameran	Jumlah	Jumlah
	Filem	Filem	Filem	2015	2014
	RM	RM	RM	RM	RM
Baki awal tahun					
Filem	2,728,000	2,099,000	1,089,000	5,916,000	5,427,000
Video	486,750	9,560,250	3,036,000	13,083,000	13,006,500
	3,214,750	11,659,250	4,125,000	18,999,000	18,433,500
Deposit diterima					
Filem	199,000	143,000	139,000	481,000	502,000
Video	-	225,900	288,000	513,900	517,000
	199,000	368,900	427,000	994,900	1,019,000
Deposit dikembalikan					
Filem	(17,000)	(12,000)	(26,000)	(55,000)	(13,000)
Video	(5,000)	(370,000)	(77,000)	(452,000)	(440,500)
	(22,000)	(382,000)	(103,000)	(507,000)	(453,500)
Deposit dilucutahak					
Filem	(45,000)	-	(2,000)	(47,000)	-
Video	(20,000)	(1,237,500)	(54,000)	(1,311,500)	-
	(65,000)	(1,237,500)	(56,000)	(1,358,500)	-
Baki akhir tahun					
Filem	2,865,000	2,230,000	1,200,000	6,295,000	5,916,000
Video	461,750	8,178,650	3,193,000	11,833,400	13,083,000
	3,326,750	10,408,650	4,393,000	18,128,400	18,999,000

12. SUMBANGAN KERAJAAN

	2015 RM	2014 RM
Pecahan sumbangan seperti berikut: Sumbangan Mengurus Kerajaan	<u>45,212,800</u>	<u>45,906,244</u>

13. LESEN DAN BAYARAN FILEM

	2015 RM	2014 RM
Perolehan Lesen Sumber Filem	639,300	662,750
Perolehan Lesen Sumber Video	884,500	1,070,300
Jumlah Perolehan Lesen	<u>1,523,800</u>	<u>1,733,050</u>
Bayaran Filem	1,675,663	1,756,180
	<u>3,199,463</u>	<u>3,489,230</u>

14. PELUNASAN KUMPULANWANG

	2015 RM	2014 RM
Kumpulanwang Duti Hiburan Filem	1,863,485	7,821,539
Kumpulanwang Pembangunan	12,047,265	12,041,934
Kumpulanwang Dana	21,646	12,477
	<u>13,932,396</u>	<u>19,875,950</u>

15. LAIN-LAIN PENDAPATAN

	2015 RM	2014 RM
Denda dan Hukuman	1,376,070	33,900
Pulang Balik Perbelanjaan	414,760	2,118,756
Pendapatan Pelbagai	7,111	51,113
	<u>1,797,941</u>	<u>2,203,769</u>

16. EMOLUMEN

	2015 RM	2014 RM
Gaji dan Upahan	12,527,423	10,538,453
Elaun Tetap	3,567,289	3,472,128
Sumbangan Berkanun Kakitangan	668,851	574,292
Elaun Lebih Masa	1,186,790	1,482,567
Elaun dan Imbuhan Lain-lain	8,011	-
	17,958,364	16,067,440

17. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

	2015 RM	2014 RM
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	1,832,335	1,873,874
Pengangkutan Barang-barang	65,052	41,295
Perhubungan dan Utiliti	2,567,759	3,307,052
Sewaan	173,495	277,991
Bekalan Bahan Api	375,557	334,692
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	969,625	1,213,936
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	2,619,314	5,453,195
	8,603,137	12,502,035
Perkhidmatan Iktisas Dan Hospitaliti		
Pecahan perbelanjaan seperti berikut:		
- Perkhidmatan Iktisas	2,336,643	2,873,314
- Pembangunan Industri	3,095,128	2,952,024
- Festival dan Minggu Filem	7,970,364	2,334,723
- Pasaran Filem	3,412,725	4,026,688
- Pengauditan	174,797	14,464
- Elaun Tetap Ahli Perbadanan	185,560	91,968
- Manfaat Anggota	1,116,930	804,501
- Pembekal Khidmat	1,801,461	1,317,107
- Pelbagai Perkhidmatan	1,197,375	1,215,016
	21,290,983	15,629,805
	29,894,120	28,131,840

18. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP

	2015 RM	2014 RM
Pencen	1,563,457	1,400,765
Pemberian Dalam Negeri		
Pecahan perbelanjaan seperti berikut:		
- Pelunasan Kumpulanwang Duti Hiburan Filem	1,863,485	7,821,539
- Pemberian Kepada Persatuan	107,975	176,261
- Pemberian Kepada Individu	109,303	218,315
- Lain-Lain Pemberian	155,514	23,500
	2,236,277	8,239,615
	<u>3,799,734</u>	<u>9,640,380</u>

19. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN

	2015 RM	2014 RM
Pelbagai Perbelanjaan	<u>1,721,118</u>	<u>257,706</u>

20. ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka bandingan tertentu di dalam Penyata Aliran Tunai telah diselaraskan untuk menunjukkan perbandingan yang sewajar dengan pengelasan tahun ini seperti berikut:

	2014	
	Dinyatakan Sebelum RM	Dinyatakan Semula RM
Pelarasan ke atas ekuiti dana	(18,206,395)	(6,164,463)
Pelunasan kumpulanwang	-	(19,875,950)
Bayaran tunai kepada penerima dana	(72,082,149)	(64,249,826)

Pelarasan ini merupakan pengelasan semula aktiviti yang melibatkan dana dan kumpulanwang. Bayaran tunai sebanyak RM7,821,539 kepada penerima dana Duti Hiburan Filem telah dinyatakan ke dalam Pelunasan kumpulanwang.

21. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan 2015 yang telah diaudit telah diluluskan melalui Resolusi Pekeliling Bilangan 1/2016 pada 20 September 2016.



PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA

Kompleks Studio Merdeka, Jalan Hulu Kelang,
68000 Ampang, Selangor, Malaysia

Tel: 603-4104 1300 Faks: 603- 4107 5216

www.finas.gov.my

FINAS Petaling Jaya
Jalan Utara 46547 Petaling Jaya
Selangor
Tel: 603-7968 2137

CONTENT MALAYSIA PITCHING CENTRE
Unit G09 & G10,
Platinum Sentral Jalan Stesen Sentral 50470,
Kuala Lumpur , Malaysia
Tel: 603 - 2725 9194
Email: pitchingcentre@finas.my